



...Kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhan dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).

Quran - Surah Ibrahim (14:24-25)

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2011

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْمُرْسَلُ كَيْفَ ضَرَبَ اللّٰهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً
طَيِّبَةً اَصْلُهَا تَأْيِدٌ وَقَرْعَهَا فِي السَّمَاءِ (۱۴) تُؤْتَى اَكْلَهَا
كُلُّ جِنٍ يَأْذِنُ رَبَّهَا وَيَظْرِبُ اللّٰهُ الْأَمْلَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ
يَتَذَكَّرُونَ (۱۵)

Terjemahannya:

Tidakkah Engkau Melihat (Wahai Muhammad)
Bagaimana Allah Mengemukakan Satu
Perbandingan, Iaitu: Kalimah Yang Baik Adalah
Sebagai Sebatang Pohon Yang Baik Yang
Pangkalnya (Akar Tunjangnya) Tetap Teguh Dan
Cabang Pucuknya Menjulang Ke Langit. ia
Mengetarkan Buahnya Pada Tiap-tiap Masa Dengan
Izin Tuhan dan Allah Mengemukakan
Perbandingan-perbandingan itu Untuk Manusia,
Supaya Mereka Beringat (Mendapat Pelajaran)".

Quran - Surah Ibrahim (14:24-25)

Dalam ayat ini, Allah SWT membuat perbandingan untuk renungan kita semua bagaimana Islam membentuk seorang individu menjadi seorang insan yang kuat jati dirinya dan sentiasa berterusan khidmat baktinya kepada orang lain. Ia umpsama sepoahn pokok yang berdiri teguh dengan dahan, cabang serta dedaunnya menjulang tinggi ke langit, sedang akarnya menjalar jauh mencengkam perut bumi bagi menjamin batang pokok, dahan, cabang dan rantingnya tetap utuh dan kukuh walaupun dibakar panas terik mentari walaupun dilanda hujan dan ribut. Manakala hasil buah-buahannya pula sentiasa keluar tanpa henti tidak mengira musim untuk dinikmati oleh sesiapa sahaja. Selain itu, kerimbunan dedaunan pokok ini boleh dijadikan tempat berteduh daripada panas terik matahari atau hujan lebat yang menimpa. Manakala batang dan dahannya yang kuat itu pula sangat berguna untuk memenuhi keperluan hidup manusia seperti dalam pembinaan kediaman, perabut, peralatan dan sebagainya.

Begitulah simboliknya peranan USIM dalam usaha melahirkan modal insan kepada masyarakat dan negara melalui falsafah, konsep dan model pendidikan Islam yang dibawa. Melalui falsafah integrasi ilmu naqli dan aqli dalam pembinaan kurikulum program pengajian yang ditawarkan dan pembudayaan sistem penyampaian dan pengurusan kualiti berteraskan Islam, USIM terus maju mengorak langkah ke hadapan mencipta kejayaan demi kejayaan dan semakin kukuh menempa nama di peringkat nasional dan antarabangsa sama ada dalam aspek akademik, pembangunan mahasiswa maupun pengurusan dan pentadbiran. Para graduan USIM kini menjadi nadir masyarakat dalam berbagai sektor kehidupan. Mereka lah al-Abrar yang sentiasa menumpahkan bakti merentasi segmen kehidupan masyarakat melampaui tugas-tugas hakiki yang diamanahkan kepada mereka. Manakala USIM sebagai sebuah institusi ilmu terus menjadi rujukan dan tempat bernaung berbagai pihak dan institusi dalam usaha memastabatkan sylar dan pendidikan Islam di dalam dan luar negara. Hal ini menjadikan USIM ibarat pokok yang semakin merendang menjadi tempat berteduh dan semakin subur berbunga tanpa mengira waktu untuk dinikmati oleh semua.


*Menjulang Pendidikan
Berteraskan Islam*



Bertekad Terbilang *Simply Inspiring*

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

LAPORAN
TAHUNAN
2011






KANDUNGAN

RASIONAL LOGO	04
CANSELOR	05
PROFIL UNIVERSITI	06
STRUKTUR ORGANISASI	14
LAPORAN NAIB CANSELOR	16
- PEMBANGUNAN MAHASISWA:	21
GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA GAJI TINGGI	
- PROGRAM PENGAJIAN YANG DIIKTIRAF DAN	37
TERSOHOR PERINGKAT NEGARA DAN ANTARABANGSA	
- MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA MELAHIRKAN	53
CENDEKIAWAN DAN PENDETA YANG TERSOHOR	
- MEMBENTUK MODAL INSAN YANG INOVATIF	71
DAN BUDAYA KERJA YANG GEMILANG	
- MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN	89
- MENGAMALKAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP,	97
BERKESAN DAN BERINTEGRITI	
LAPORAN KEWANGAN	109
PENYATA KEWANGAN - AUDIT	115

RASIONAL LOGO



Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.



Kubah

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.



Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.



Rehal

Tulisan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) dilengkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan USIM sebagai wadah penyampaian ilmu kepada para pelajarnya.



Litar

Litar yang bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.

(Bermula 1/12/2011)

Tuanku Canselor

DULI YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD

DK (NS), DPTJ



(Sehingga 30/11/2011)

Tuanku Canselor

YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN NAJIHAH

BINTI TUNKU BESAR BURHANUDDIN

D.K., D.M.N., D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN) S.P.T.J., S.P.M.K.





PROFIL UNIVERSITI



Profil Universiti

Visi

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Objektif

Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.

Melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.

Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Membebalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Dasar Kualiti

USIM bertekad dan berlitizam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan *stake holder* universiti.

Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti kearah memartabatkan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat.

Menggunakan amalan terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto.

Objektif Kualiti

Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan USIM.

Mewujudkan dan mengekalikan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.

Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti





Jawatankuasa Pengurusan Universiti



Ahli Senat Universiti

Pengerusi

Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda

Ahli

Profesor Dr. Musa Ahmad
Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
Profesor Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah
Encik Jasmin Jaimon
Ir Dalm Salan
Profesor Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Profesor, Dr. Hj. Abdul Samat Musa
Dr. Asmaddy Harris
Profesor Dr. Jalani Sukaimi
Profesor Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar
Profesor Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman
Profesor Dr. Bachok M. Taib
Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Profesor Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias
Profesor Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
Profesor Dr. Kamaruzzaman Seman
Profesor Dr. Abdul Jalil Abdul Kader
Profesor Dr. Nor Aripin Shamaan
Profesor Dr. Mohd Yunus Abdullah
Profesor Dr. Zulkiple Abd. Ghani
Profesor Dr. Rosalina Abdul Salam
Encik Idris Takyar
Profesor Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif
Dr. Nurlida Basir
Dr. Hishomudin Ahmad
Puan Suhaili Ab. Jalil
Encik Norman Zakiyy Chow Jen-t'chiang

Setiausaha

En. Muhammad Halizuan Rozali



Dekan-dekan Fakulti / Pusat





Pengarah Institut / Pusat / Akademik

Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Profesor Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
Akademi Permata Insan

Profesor Dr. Abdul Jalil Abdul Kader
Pusat Hubungan Industri & Pengkomersialan (PHIP)

Profesor Dr. Rosalina Abdul Salam
Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)

Profesor Madya Dr. Alina Abdul Rahim
Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM)

Profesor Madya Dr. Abd Halim Mohd Husin
Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah (ACREDA)

Dr. Ernie Suzana Ali
Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOALS)

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman
Pusat Perancangan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK)

Encik Idris Takyani
Pusat Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Pusat Pengajian Teras

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah
Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran (PIPP)

Dr. Zurina Shafii
Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam (IFWM)

En. Nur Adzam Rasdi
Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Encik Mahdhir Abdullah
Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa

Encik Hamran Husin
Pusat Sukan

Dr. Nurilda Basir
Pusat Tamhid

STRUKTUR ORGANISASI USIM

TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

PUSAT SOKONGAN & KHIDMAT AKADEMIK

- Bahagian Pengajian Praswazah
- Pusat Pengajian Siswazah

FAKULTI & PUSAT PEMBELAJARAN

- | | |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| - Fakulti Pengajian Quran & Sunnah | - Fakulti Sains & Teknologi |
| - Fakulti Kepimpinan & Pengurusan | - Fakulti Perubatan & Sains Kesehatan |
| - Fakulti Syariah & Undang-undang | - Fakulti Pergigian |
| - Fakulti Ekonomi & Muamalat | - Fakulti Pengajian Bahasa Utama |
| - Pusat Tamhid | |

PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK

- | | |
|---|---|
| - Pusat Pengajian Teras | - Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran |
| - Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global (GOALS) | |

TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

PUSAT SUKAN

PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA

PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH

DEKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI & PENGKOMERSILAN

BAHAGIAN PENERBITAN

PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

- Institut Pengurusan & Penyelidikan Fikra Sedunia
- Institut Pengurusan & Penyelidikan Halal
- Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam
- Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia
- Akademi Permata Insan
- Institut Kefahaman Quran dan Sunnah (IQ)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

SENAT

NAIB CANSELOR

PENDAFTAR

BAHAGIAN
MODAL INSAN

BAHAGIAN
GOVERNAN &
PENTADBIRAN AM

BAHAGIAN
UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN
KESELAMATAN

BENDAHARI

BAHAGIAN
PENTADBIRAN

BAHAGIAN
BELANJAWAN &
PELAPORAN KEWANGAN

BAHAGIAN OPERASI
& KAWALAN ASET

KAMPUS
CAWANGAN

KETUA PUSTAKAWAN

BAHAGIAN
PENGURUSAN

BAHAGIAN
TEKNIKAL

BAHAGIAN
PERKHIDMATAN

KAMPUS
CAWANGAN

PENGARAH PEMBANGUNAN

BAHAGIAN
PENTADBIRAN

BAHAGIAN
PENGURUSAN KONTRAK,
ARKITEK & LANDSKAP

BAHAGIAN
KEJURUTERAAN

JABATAN CANSELORI

PEJABAT
NAIB CANSELOR

PUSAT
PERANCANGAN KORPORAT
& PENGURUSAN KUALITI

BAHAGIAN
AUDIT DALAM

BAHAGIAN
KOMUNIKASI KORPORAT
DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

PUSAT TEKNOLOGI
MAKLUMAT



Laporan Naib Canselor

Tahun 2011 merupakan kesinambungan usaha USIM menelusuri rancangan pembangunan negara lima tahun 2011-2015 dan menjelang tahun 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Berlandaskan kepada enam bidang keberhasilan utamanya (USIMKRA), USIM bertekad untuk bergerak sejajar dengan PSPTN yang matlamatnya ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi di rantau ini.

Tahun 2011 menyaksikan tasa pengukuhan yang lebih hebat dalam merealisasikan USIMKRA. Penekanan terus diberikan kepada usaha membentuk graduan yang bersifat holistik dan berupaya bersaling di peringkat antarabangsa. Program Transformasi Diri (PTD) yang merupakan satu program bersepada empat tahun sepanjang pelajar mengikuti pengajian di USIM digarap untuk mengasah bakat dan kemahiran serta minat mereka terhadap kerjaya masing-masing tetapi pun menampakkan kesan positif yang ketara.

Selain itu, USIM turut menggilap keupayaan pelajar untuk berflirkir di luar kotak dan membentuk graduan al-Abraar melalui Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM). Program ini bertujuan membuka minda pelajar kepada elemen-elemen yang menjadi pelengkap kepimpinan meliputi khidmat sosial, pemuliharaan alam sekitar dan kepenggunaan. Hasil daripada transformasi tersebut, sebanyak 157 aktiviti melibatkan 25,443 penyertaan mahasiswa telah direkodkan. Di samping itu, Program Kecemerlangan Mahasiswa (PKM) yang memberikan fokus dalam aktiviti sukan, kebudayaan dan seni, debat, kreativiti dan inovasi telah melahirkan mahasiswa yang cemerlang dan hebat bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah antarabangsa. Usaha ini terbukti, misalnya, apabila Pasukan Debat USIM dinobatkan sebagai Johan dalam Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011 (PPM).

Dalam menggalas harapan merealisasikan program pengajian yang diktiraf dan tersohor di peringkat negara dan antarabangsa, USIM telah melaksanakan Projek Pembelajaran Akses Terbuka Global melalui Center For Global Open Access Learning (GOAL Center) yang memulakan operasinya pada Oktober 2011. Projek ini berjaya memantapkan lagi sistem e-pembelajaran di USIM dan berupaya mengembangkan program Pengajian Jarak Jauh atas talian (ODU), sejajar dengan usaha KPT bagi memantapkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Life Long Learning*). Di samping itu, USIM juga telah bekerjasama dengan pihak Aeu/



MeDO (*Malaysian Education Online*) untuk melaksanakan beberapa program Masters dan PhD, melalui penyelidikan. Ternyata, pelaksanaan program pengajian yang bermutu dan berkualiti USIM telah menghasilkan peluang baharu dan mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak, sama ada dari dalam maupun luar negara.

Usaha-usaha jitu yang digarap telah berjaya meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa meliputi 25 buah negara. Penumpuan terhadap Industry Academia dan jaringan antarabangsa adalah antara faktor penyumbang di mana elemen Industri dan antarabangsa dapat diterapkan dengan lebih berkesan dalam proses pembelajaran. Hubungan Industri terutamanya dengan Syarikat Kecil dan Sederhana (SKS) dan GLC serta hubungan antarabangsa dengan lebih 25 buah universiti berupaya menempatkan pelajar dalam latihan Industri dan juga pertukaran pelajar, di dalam dan juga luar negara.



Dalam membangun dan memupuk serta melahirkan cendekialwan dan pendeta tersohor, USIM telah berjaya meningkatkan karya penerbitan meliputi buku ilmiah, terbitan bersiri, buku teks/modul sepanjang tahun 2011 dan karya dengan penerbitan luar selain artikel dalam jurnal ilmiah yang dikenalpasti. Manakala pembangunan Pusat Kecemerlangan (*Center of Excellence*) seperti Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IPWMI), Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Akademi Permata Insan, telah meningkatkan mutu kecemerlangan di dalam penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. Pada tahun 2011, USIM berjaya meningkatkan bilangan projek penyelidikan sebanyak 89% kepada 229 geran. Beberapa orang penyelidik USIM pula telah dikenalpasti di peringkat nasional maupun antarabangsa. Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) telah mengorak langkah positif dengan menyediakan *roadmap* penyelidikan melalui pembentukan Jawhar (bidang inti) USIM bagi memantapkan lagi tumpuan

kepada tujuan/niche meliputi Penganalisisan Halal, Sains Teknologi & Kesihatan, Ulum Islamiyah & Pembangunan Ummah, Pengurusan Harta Islam dan Keselamatan Jaminan Maklumat Serta Perkhidmatan.

Dalam rancangan jangka panjang, USIM pada tahun 2020 akan mempunyai enrolmen sebanyak 16,000 orang pelajar dengan bilangan pensyarah seramai 1,200 dan staf pentadbiran serta sokongan seramai 1,400 orang. Pada tahun 2011, USIM mempunyai pelajar melebihi 8,000 orang, staf akademik 558 orang dan staf pentadbiran/sokongan seramai 743 orang. Usaha berterusan dilakukan secara holistik untuk membentuk modal insan yang inovatif dan budaya kerja yang gemilang dengan penerapan dan penghayatan pelbagai aspek kemahiran dan pengetahuan serta sikap. Dasar-dasar berkaitan latihan, kursus jangka panjang dan pendek, seminari dan meningkatkan kelayakan akademik sama ada di dalam atau di luar negara, diberikan keutamaan. Pada tahun 2011, kadar Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) mencapai tahap 92.13%. Penekanan turut diberikan kepada proses pusingan kerja (*job rotation*) yang dilakui amat berkesan dalam usaha menyediakan staf yang mahir dalam semua bentuk tugas kritis. Dari segi prospek kerjaya, seramai 45 kakitangan (32 staf akademik dan 13 staf pentadbiran) telah dinilai pangkat. Dalam pada itu, turut dititikberatkan ialah keharmonian suasana kerja. Selain itu, penambahbaikan skim kebaikan staf seperti perubatan dan TASKA juga telah diperingkatkan. Projek penambahbaikan penilaian persekitaran kerja juga terus dimantapkan melalui usaha kajian Kepuasan Bekerja, Sistem Pengurusan Audit Nilai, Program Nilai-nilai Murni, Kursus Penilaian Kerja dan Program Mentor Mentee. Hasil yang memuaskan dapat dilihat semakin jelas terhadap penjanaan modal insan yang lebih berkualiti dan lebih berketerampilan.

Aktiviti penjanaan pendapatan yang berterusan juga telah dijalankan bagi memastikan peningkatan dalam sumber kewangan USIM. Antara sumber penjanaan pendapatan selain yuran pelajar yang terus meningkat hasilnya adalah geran penyelidikan, francis program pengajaran, penerbitan buku, pengkomersian hasil penyelidikan, khidmat perundungan dan kepakaran serta sumber-sumber luar yang lain.

Selain daripada penjanaan pendapatan sedia ada, tiga strategi pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap memperkemaskin Sistem Pengurusan Kewangan, Pengagihan Bajet Secara Strategik dan Pembaziran Silfar. Pengurusan Kewangan diperkemaskin dengan menyusun semula sumber hasil utama Universiti agar penjanaan pendapatan lebih terfokus. Pengukuhan pengurusan USIM Tijarah Holdings (M) Sdn Bhd sebagai anak syarikat juga menyumbang kepada peningkatan penjanaan pendapatan USIM secara kumpulan. Selain daripada itu, pengagihan bajet dilaksanakan secara lebih tersusun dan strategik bagi memastikan program-program dijalankan mengikut keutamaan. Usaha gigih dan berterusan juga sentiasa dilakukan bagi mengurangkan kos per-pelajar melalui pelbagai program pembaziran silfar. Pemantauan dan pengurusan perbelanjaan yang efektif merupakan pemangkin kepada mencapai pembaziran silfar. Ini dapat dilihat melalui kos per-pelajar bagi 2011 yang telah dikurangkan sebanyak 17.2% kepada RM14,061 berbanding dengan RM16,996 pada 2010.

Sejak penubuhannya, USIM telah mengamalkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti dengan garapan penggunaan ICT sebagai medium penyampaianya. Terdapat dua kumpulan sistem yang digunakan iaitu Sistem Pentadbiran Universiti dan Sistem Akademik dan Pelajar. Kewujudan sistem yang dibina secara dalaman ini banyak membantu melincinkan operasi pentadbiran USIM agar lebih cekap, berkesan dan berintegriti. Daripadanya, USIM dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang perlu kepada penambahbaikan. Ini secara langsung akan memperkemaskin lagi sistem pentadbiran sedia ada. Atas inisiatif dan usaha berterusan, sistem Laman Web Rasmi USIM mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat nasional apabila diangkat bertaraf 5 bintang oleh Malaysia

Government Portal & Websites Assessment 2011 dan lebih membanggakan, laman ini turut mengungguli tempat pertama untuk tahun ketiga berturut-turut menewaskan kesemua IPTA lain yang dinilai.

Program-program berbentuk pembudayaan kualiti terus dicanal di dalam sistem pentadbiran untuk meningkatkan lagi pemahaman dan amalan budaya kualiti di tempat kerja melibatkan aplikasi Program 5S dan 8S. Bagi mengiktiraf sumbangan dan komitmen staf, Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2010 turut diadakan di mana seramai 167 staf telah diraikan kejayaan mereka. Dalam majlis tersebut, seramai 97 staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala 58 staf yang lain dipilih untuk menerima Anugerah Terpuji. Daripada itu, tiga staf dipilih untuk dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa dan menerima hadiah tambahan berupa paket umrah/latihan bernilai RM5000.00, selain anugerah-anugerah istimewa bagi inovasi dan kreativiti, penerbitan, penyelidikan, tokoh pengajar, karya terbalik dan sebagainya.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan usaha gigih, kerjasama dan sokongan padu semua pihak terutamanya kepada seluruh warga setia USIM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat, Pegawai-pejawat Kanan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta seluruh mahasiswa/i sepanjang 2011 ini.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat.

Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda
Naib Canselor



Gagasan Keberhasilan Utama USIM





USIMKRA 1

PEMBANGUNAN MAHASISWA:
GRADUAN HOLISTIK DAN
BERDAYA GAJI TINGGI



PEMBANGUNAN MAHASISWA: GRADUAN HOLISTIK DAN BERDAYA GAJI TINGGI

Melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi merupakan Bidang Keberhasilan Ulama USIM yang perlama (USIMKRA1). Untuk merealisasikan USIMKRA1 tersebut, USIM telah menetapkan tujuh Program Agenda Kritis atau *Critical Agenda Programme* (CAP). Tujuh CAP tersebut adalah rekrutmen pelajar terbaik, pembinaan imej dan penjenamaan, memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kebolehpasaran graduan, pembangunan holistik pelajar, memantapkan kecemerlangan sukan dan mengukuhkan hubungan industri-universiti.

Dalam usaha membentuk graduan yang bersifat holistik dan berupaya memperoleh daya kemahiran kendiri yang tinggi, sepanjang tahun 2011 USIM telah merancang dan mengatur pelbagai program dan aktiviti yang mempunyai impak positif untuk merealisasikan USIMKRA1 tersebut. Program dan aktiviti yang dilaksanakan menekankan ciri-ciri unggul yang membolehkan pelajar bersaing dalam pasaran kerjaya di peringkat domistik maupun di peringkat antarabangsa.



REKRUTMEN PELAJAR TERBAIK

Pada sesi akademik 2011/2012, sejumlah 50.7% daripada 2,201 orang pelajar yang mendaftar untuk mengikuti pelbagai program pengajian Sarjana Muda 2011/2012 telah memilih USIM sebagai pilihan pertama, manakala bagi program pengajian Tamhidi pula, 52% daripada 1,005 orang pelajar telah memilih USIM sebagai pilihan pertama mereka.

Sementara itu, 46.4% pelajar program pengajian Sarjana Muda tersebut mempunyai kelayakan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ke atas manakala 54.1% pelajar program pengajian Tamhidi pula telah mencapai PNGK 3.00 dan ke atas dalam Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2010/2011. Bagi penguasaan bahasa Inggeris pula, 26.1% pelajar yang mendaftar dalam program pengajian Sarjana Muda telah mencapai Band 3 dan ke atas dalam Malaysia University English Test (MUET) manakala 80.6% pelajar program



pengajian Tamhidi yang ditawarkan ke program pengajian Sarjana Muda telah mencapai Band 3 dan ke atas dalam ujian yang sama.

Untuk menyokong usaha mendapatkan calon pelajar cemerlang, program dan aktiviti yang sistematis dan berstruktur telah dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti utama (*Key Activities KA*) yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Projek Sekolah Kluster/Sekolah Angkat

Pada masa ini USIM mempunyai hubungan dengan empat Sekolah Kluster dan 12 Sekolah Angkat. Projek Sekolah Kluster/Sekolah Angkat ini melibatkan kunjungan daripada para pelajar dan warga pendidik di sekolah-sekolah tersebut ke USIM atau sebaliknya.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan meliputi



taklimat tentang peluang-peluang pengajian yang ditawarkan di USIM, pembudayaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, kursus kepimpinan serta saranahan motivasi.

Antara sekolah yang terlibat dalam projek ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Melaka, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, Selangor, SMKA Sheikh Haji Mohd Said Seremban, Negeri Sembilan, Sekolah Agama Menengah (SAM) Bestari Subang Jaya, Selangor, Sekolah Menengah Agama (SMA) Nilai, Negeri Sembilan, SAM Sungai Merab Luar, Selangor, Maahad Ahmadli Gemencheh, Negeri Sembilan, SMA Sains Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Maahad Tahfiz Pahang dan SMKA Durian Guling, Terengganu.

Projek Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2011 – "Jom Masuk U"

USIM telah menyertai KPTN 2011-Jom Masuk U yang dianjurkan secara bersama oleh semua IPTA dan KPTM. Program ini berbentuk promosi yang disasarkan kepada pelajar-pelajar di seluruh Malaysia. Sebanyak 11 siri KPTN 2011-Jom Masuk U telah diadakan dan disertai oleh USIM. Dianggarkan seramai 322 ribu orang yang telah mengikuti karnival ini di seluruh negara di pusat-pusat yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Gerai pameran USIM telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Jadual 1.1 Lokasi Karnival Pengajian Tinggi Negara "Jom Masuk U"

BIL	LOKASI KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA "JOM MASUK U"
1	Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu
2	Melaka Trade Centre (MITC), Melaka
3	Penang International Sports Arena (PISA), Pulau Pinang
4	Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan
5	Dewan 2020, Kangar, Perlis
6	Kompleks Suria Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
7	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
8	PERSADA Johor International Convention Centre, Johor Bharu, Johor
9	Permata Exhibition Centre, Kuching, Sarawak
10	Dataran Majlis Perbandaran, Ipoh, Perak
11	MINES International Exhibition Centre

Projek Promosi SMKA/SMA

Sebanyak 36 aktiviti promosi telah dijalankan di SMKA dan SMA di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2011. Aktiviti promosi bermula dari bulan Januari hingga November 2011. Tumpuan diberikan kepada SMKA/SMA yang mempunyai rekod akademik yang cemerlang. USIM juga sentiasa mengalu-alukan jemputan daripada SMKA/SMA untuk menyampaikan taklimat peluang pengajian di USIM kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Projek Selangkah ke USIM

Projek Selangkah ke USIM telah dilaksanakan dengan tumpuan kepada pelajar-pelajar SMKA dan SMA yang baru sahaja tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia telah berlangsung pada 19 hingga 21 Disember 2011 melibatkan SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban, Negeri Sembilan, SMKA Sharifah Radziah, Melaka, Maahad Tahfiz As Sayyidah, Senawang, Negeri Sembilan dan SMA Nilai, Negeri Sembilan.

Pelajar yang terpilih menyertai program ini telah dibawa menginap di kolej-kolej kediaman USIM dan mengikuti kuliahan/tutorial/amali bersama-sama pelajar USIM untuk merasai sendiri suasana pembelajaran di USIM. Lawatan ke pusat akademik dan pusat kegiatan pelajar yang terpilih di USIM juga diadakan supaya pelajar dapat mengenali USIM dengan lebih dekat dan seterusnya menarik minat mereka untuk memilih USIM sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian pada masa hadapan.

Projek Feeder College

Untuk memastikan projek feeder college tercapai, antara langkah yang telah diambil ialah menghebahkan syarat-syarat kemasukan ke program-program pengajian Sarjana Muda di USIM ke semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berpotensi. Selain itu, USIM turut mengiktiraf diploma daripada IPTS yang telah diakreditasikan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Perbincangan juga telah dimulakan dengan beberapa buah kolej swasta untuk mengadakan program kerjasama dengan USIM.



IMEJ DAN PENJENAMAAN

USIM sentiasa berusaha untuk menonjolkan imejnya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka selaras dengan visi.misi serta matlamat penubuhannya. Antara usaha yang dijalankan untuk meningkatkan imej dan penjenamaan USIM adalah seperti berikut:

Projek Laman Web

Untuk memastikan maklumat dan informasi tentang USIM dapat dicapai dengan mudah dan mesra, penekanan terhadap aspek pemantapan kandungan dan persempahan laman web rasmi USIM dijadikan fokus utama. Selain itu laman web Pusat Tanggungjawab (PTJ) juga dipantau dalam usaha memastikan kandungannya sentiasa dikemas kini. Sebagai galakan, Pertandingan Laman Web Peringkat PTJ telah diadakan dan penilaian telah dilakukan setiap enam bulan oleh para juri profesional yang dilantik. Pada tahun 2011, pertandingan ini dimenangi oleh Fakulti Sains dan Teknologi (Kategori



Fakulti dan Pusat Kecemerlangan) dan Jabatan Perpustakaan (Kategori Pentadbiran). Dalam pada itu, USIM telah menerima pengiktirafan lima bintang dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2011 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Lebih membanggakan, USIM menduduki tempat pertama daripada kesemua IPTA yang dinilai.

Projek USIMOnline


Penyebaran maklumat melalui Laman Web TV USIMOnline iaitu media video yang berdasarkan Internet turut diberi perhatian untuk meningkatkan imej Universiti. Terdapat sejumlah segmen video yang sentiasa dikemas kini iaitu Video Aktiviti Universiti, Wawancara Eksklusif, Santapan Rohani, Biar Buku Bicara, Panduan Perkhidmatan, Bakat dan Kreativiti serta Buletin.

Kempen Promosi dan Publisiti


Perancangan yang rapi telah dirangka dan dilaksanakan untuk memastikan setiap aktiviti promosi dan publisiti yang dilaksanakan memberi impak kepada USIM. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti pengiklanan dalam OIC Directory 2011 dan Education Guide Malaysia 2011, penerbitan Risalah USIM serta penghasilan video korporat USIM yang baharu. Selain itu, USIM turut menggiatkan aktiviti publisiti melalui media cetak dan juga media elektronik dengan memberi penekanan kepada aktiviti dan kejayaan USIM.



Rajah 1.1 : Statistik Capaian WebTV USIMOnline 2011



Rajah 1.2: Keratan Akhbar USIM 2011



Sepanjang tahun 2011, USIM telah menerima sebanyak 25 lawatan meliputi lawatan sekolah, institusi luar dan lawatan delegasi antarabangsa (apan dari padanya adalah lawatan delegasi antarabangsa). USIM juga turut menggiatkan aktiviti promosi di luar negara dengan menyertai Education Malaysia Exposition Phuket, Malaysia Education Fair UAE, Pameran dan Promosi EDEX 2011 Amman Jordan dan Malaysia Showcase 2011 Brunei.



MEMUPUK BUDAYA KEUSAHAWANAN

Salah satu elemen kemahiran insaniah dalam sistem pendidikan yang ditekankan oleh USIM adalah kemahiran keusahawanan. Selaras dengan hasrat KPT melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), USIM sentiasa memastikan kemahiran tersebut diterapkan kepada setiap pelajar sebagai nilai tambah pelajar. Setiap pelajar USIM diwajibkan mengambil kursus keusahawanan yang merupakan Kursus Wajib Universiti.



Hasil daripada penerapan kemahiran ini, semua pelajar tahun akhir USIM berupaya menyediakan Rancangan Perniagaan (RP) sendiri. Keupayaan menyediakan RP ini merupakan kemahiran awal yang dipupuk dalam kalangan pelajar sebelum mencebur入 bidang keusahawanan dan seterusnya mampu melahirkan modal insan yang berpendapatan tinggi sebagaimana yang diharatkan oleh Kerajaan. Melalui usaha dan pendekatan ini, seramai dua orang pelajar USIM yang tamat pengajian telah berjaya menceburkan diri dalam dunia keusahawanan secara sepenuh masa melalui entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

USIM juga memberi ruang dan peluang yang luas kepada para pelajar untuk menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kampus. USIM telah menyediakan sembilan unit lot kedai di Student Mall dan tujuh unit lot kedai di Pusat Keusahawanan Siswa. Selain itu, sebanyak dua siri Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) telah dilaksanakan untuk mengukuhkan keupayaan pelajar dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, pasukan Student in Free Enterprise (SIFE) USIM juga telah menjayakan dua projek dan membentangkannya dalam Perlantungan SIFE Kebangsaan 2011. Dalam perlantungan tersebut USIM telah berjaya mara ke peringkat separuh akhir dengan projek yang dijalankan seperti berikut:



Jadual 1.2: Projek yang dijalankan oleh Pasukan SIFE USIM

NAMA PROJEK	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPAT	CATATAN
Innovative Art	1 Jun 2011 hingga 24 Jun 2011	Pusat Pemulihian Dalam Komuniti (PDK) Nilai, Negeri Sembilan	Projek ini merupakan projek keusahawanan sosial iaitu para pelajar membantu memasarkan produk seni kraf yang dihasilkan oleh Orang Kelainan Upaya (OKU)
1 House 3 Vegetables	7 Ogos 2010 hingga 31 Mac 2011	Kampung Rancangan Tanah Belia Banting, Selangor.	Projek ini dilaksanakan bersama penduduk kampung dengan memanfaatkan kawasan tanah terbilas di sekelling rumah untuk menanam 3 jenis sayuran

PENINGKATAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Berdasarkan data Kajian Pengesahanan Graduan 2011, sejumlah 74.63% graduan USIM telah memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian. Peningkatan yang amat memberangsangkan dari tahun 2010 membuktikan graduan USIM sentiasa mendapat tempat dalam kalangan majikan dan industri. Kualiti graduan USIM ini ditunjanggi oleh pendekatan pengajian di USIM serta penerapan nilai tambah dalam program-program yang menyokong kebolehpasaran graduan. Aktiviti Utama (*Key Activities - KA*) yang dilaksanakan untuk memastikan kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

Program Transformasi Diri (PTD)

Program Transformasi Diri (PTD) merupakan program bersepada untuk tempoh empat tahun. Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang bersifat *industry ready*. Program ini merangkumi Program Pembangunan Kemahiran Insaniah dan Program Pembangunan Minat dan Kecenderungan Kerjaya. USIM juga telah membangunkan Sistem Pencapaian Kemahiran Insaniah (Sistem ePKI) untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Program ini terdiri daripada modul ber tahap iaitu Tahap Pertama (Pengenalan) merangkumi Bengkel Bijak Belajar, Bengkel Persediaan Kerjaya dan Bengkel Pengurusan Masa. Manakala Tahap Kedua (Pengukuhan) pula meliputi Bengkel Komunikasi Berkesan, Bengkel Personaliti dan Keterampilan dan Bengkel Kemahiran Pengurusan Emosi. Tahap Ketiga (Lanjutan) pula menekankan Bengkel Penulisan Resume, Bengkel Motivasi Esteem Diri dan Bengkel Temu Duga dan Latihan.

Aktiviti Kecemerlangan Mahasiswa

Aktiviti kecemerlangan sentiasa diberi keutamaan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran insaniah di samping melonjakkan nama USIM dalam kecemerlangan yang dikehendaki. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 157 aktiviti kecemerlangan telah dilaksanakan

melibatkan sejumlah 25,443 penyertaan daripada pelajar. USIM amat berbangga di atas kejayaan pelajar USIM dalam pelbagai aktiviti yang disertai dan di antaranya adalah seperti berikut:

Jadual 1.3: Pencapaian Aktiviti Pelajar

BIL	PROGRAM	PERINGKAT	PENCAPAIAN
1.	Pertandingan Debat Plata Perdana Menteri	Kebangsaan	Johan
2.	Pertandingan Debat Alam Sekitar	Kebangsaan	Johan
3.	Pertandingan Pidato Kemerdekaan	Kebangsaan	Johan
4.	Pertandingan Bahas Pendidikan Islam Universiti-Universiti ASEAN	ASEAN	Johan
5.	Pertandingan Pidato Terbuka Kenyalang	Kebangsaan	Johan
6.	Festival Nasyid Universiti (FENU@11)	Kebangsaan	Johan
7.	Pertandingan Nasyid Best	Kebangsaan	Johan
8.	Pertandingan Nasyid Program Aspirasi Nurani 2011	Kebangsaan	Johan
9.	Festival Kerongcong Peringkat IPTA	Kebangsaan	Johan
10.	Pertandingan Cipta Lagu dan Nyanyian Solo Lagu Patriotik	Kebangsaan	Johan
11.	Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2011(Tilawah Al-Quran)	ASEAN	Johan Qari
12.	Pertandingan Seni Khat Sempena Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011	Kebangsaan	Johan
13.	Pertandingan Debat Perdana Integriti 2011	Kebangsaan	Nalb Johan
14.	Pertandingan Debat Terbuka INTEC	Kebangsaan	Nalb Johan
15.	Pertandingan Nasyid Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2011	ASEAN	Nalb Johan
16.	Pertandingan Sayembara Puisi IPT Sempena Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku	Kebangsaan	Nalb Johan
17.	Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011	Kebangsaan	Nalb Johan Qariyah
18.	Pertandingan Seni Khat Sempena Majlis Perujian Tilawah Al-Quran	Kebangsaan	Nalb Johan

Grooming and Finishing School

USIM telah melaksanakan 17 aktiviti di bawah Projek Grooming and Finishing School yang melibatkan 2,286 penyertaan daripada pelajar. Antara program yang dilaksanakan adalah Bengkel Sure Hired: Temu duga dan Persediaan Bekerja. Menerusi bengkel tersebut, pelajar didekah dengan petua-petua menghadapi temu duga. Selain itu, USIM juga telah menganjurkan Karnival Eksplorasi Kerjaya (CAREX). Program tersebut bertujuan membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat agensi-agensi awam dan swasta yang berkaitan rapat dengan kerjaya yang bakal mereka ceburi. Pengalaman



berinteraksi dengan agensi-agensi ini telah dapat menjadikan pelajar lebih bersedia dan lebih berkeyakinan ketika mencari peluang pekerjaan.

Dakwah dan Kepimpinan

Aspek dakwah dan kepimpinan juga dititikberatkan dalam aktiviti yang dijalankan oleh pelajar. Sejumlah 47 program telah dilaksanakan di bawah Projek Dakwah dan Kepimpinan dengan melibatkan seramai 8,381 penyertaan daripada pelajar. Penekanan kepada aspek kepimpinan dan dakwah amat penting untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri mapan dan berupaya menerajui kepemimpinan negara pada masa hadapan. Antara program yang telah dijalankan adalah Bengkel Pengendalian Warga Emas, Kunjungan Amal Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim, Eksplorasi Perkampungan Orang Asli dan Eksplorasi Pemeriksaan Sahsiah.

Global Islamic Students Outreach (GISO)

Dalam usaha melahirkan generasi al-Abrar, USIM sentiasa memfokuskan program yang memberi impak kepada pelajar. Salah satu program yang dilaksanakan adalah GISO

iaitu program pengantarabangsaan yang diterapkan dengan pelbagai elemen khidmat masyarakat. Sepanjang tahun 2011, sebanyak



14 program GISO telah dilaksanakan meliputi lapan negara iaitu Indonesia, Vietnam, Korea Selatan, Kemboja, Filipina, Australia, China dan Emiriah Arab Bersatu.

Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM)

PTKM merupakan salah satu Projek Rangsangan 2011 yang telah dicetuskan oleh Naib Canselor USIM dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Seramai 100 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program tersebut.

Antara objektif utama program ini adalah untuk membuka perspektif peserta kepada elemen-elemen pelengkap kepimpinan, meluaskan pemikiran agar berpandangan jauh ke hadapan dan membentuk sifat-sifat al-Abrar atau berbakti dalam diri peserta. Tiga elemen pelengkap kepimpinan yang telah diketengahkan melalui program ini adalah elemen kesedaran khidmat sosial, kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan kesedaran kepenggunaan.

Aktiviti-aktiviti PTKM telah dimulakan dengan membawa peserta ke pusat sehenti Intervensi untuk golongan gelandangan di Kuala Lumpur pada 7,8,14 dan 15 Oktober 2011. Peserta juga berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman turun ke jalan dan mengagihkan makanan percuma kepada golongan gelandangan di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur.

Seterusnya pada 16 dan 19 Oktober dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri Sembilan para pelajar yang terlibat telah diberi pendedahan mengenai pemuliharaan sungai. Menjadikan Sungai Temiang di Seremban sebagai lokasi yang dahulunya teruk tercemar, mereka diperkenalkan dengan satu teknologi baru dalam proses pembersihan dan penjernihan air sungai iaitu bebola lumpur yang dikenali sebagai EM Mudballs. Menerusi aktiviti ini, para peserta berpeluang menyediakan sendiri EM Mudballs dan melontarkannya ke Sungai Temiang. Para peserta juga telah dibawa ke Teluk Kemang, Port Dickson untuk melestari aktiviti pembersihan pesisir pantai yang merupakan salah satu daya tarikan menarik di Negeri Sembilan.

Program Sokongan Bahasa

Program Sokongan Bahasa atau *Language Support Programme* (LSP) yang terdiri daripada Arabic Language Support Programme (ALSP) dan English Language Support Programme (ELSP) dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris yang menjadi medium perantaraan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di USIM. Program ELSP yang diikuti pelajar juga membantu meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam MUET. Jadual di bawah menunjukkan statistik tahap pencapaian MUET Akhir Tahun 2011 yang diduduki oleh pelajar USIM mengikut peringkat pengajian.

**Jadual 1.4: Tahap pencapaian Malaysian University English Test (MUET)
2011**

KATEGORI	BAND						JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	
TAMHIDI	4	151	416	110	6		687
SARJANA MUDA	229	710	181	24			1144
PASCA SISWAZAH			1				1
JUMLAH	233	861	598	134	6	0	1832

Majlis Konvokesyen Kali Kesembilan USIM

Majlis Konvokesyen Kali Kesembilan USIM telah diadakan pada 3 Disember 2011 bertempat di PICC, Putrajaya. Majlis Konvokesyen kali ini adalah sangat istimewa dengan penyempurnaan Istiadat Pemasyturan Tuanku Canselor USIM yang baharu iaitu Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud. Turut mencemar duli ke majlis ini adalah Duli Yang Maha Mulia Yang Diperluan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Majlis telah dibahagikan kepada dua sidang iaitu Sidang Pagi dan Sidang Petang. Sidang Pagi telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Canselor dan Baginda telah berkenan menganugerahkan gelaran Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Hamid bin Haji Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara

serta menganugerahkan ijazah-ijazah kepada graduan yang terlibat. Sidang Petang pula telah disempurnakan oleh Naib Canselor USIM iaitu Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda. Seramai 1,196 orang graduan telah dikurniakan ijazah dan diploma masing-masing pada majlis tersebut.



dengan tujuh menerima ijazah Doktor Falsafah, 44 ijazah Sarjana, 17 ijazah Diploma Siswazah dan 1,128 ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian. Perincian anugerah ijazah mengikut program seperti berikut:

Jadual 1.5: Program Pengajian/Kelas Ijazah USIM

PROGRAM SISWAZAH (DOKTOR FALSAFAH)

Bil	Kod	Program Pengajian	Kelas Ijazah					Jumlah
			Pertama	Kedua (Atas)	Kedua (Bawah)	Ketiga		
1	A401	Doktor Falsafah Dawah dan Pengurusan Islam	-	-	-	-	-	2
2	M401	Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	-	-	-	-	-	4
3	L401	Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman	-	-	-	-	-	1
Jumlah								7

PROGRAM SISWAZAH (SARJANA)

Bil	Kod	Program Pengajian	Kelas Ijazah					Jumlah
			Pertama	Kedua (Atas)	Kedua (Bawah)	Ketiga		
4	A301	Sarjana Dawah dan Pengurusan Islam						3
5	S301	Sarjana Sains						5

6	L302	Sarjana Syariah					1
7	A305	Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)					15
8	A303	Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)					4
9	A304	Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media)					2
10	P301	Sarjana Bahasa Arab Komunikasi					2
11	M302	Sarjana Pentadbiran Muamalat					8
12	M303	Sarjana Pentadbiran Muamalat (Produk Halal)					4
Jumlah							44

PASCASISWAZAH (SARJANA MUDA)

Bil	Kod	Program Pengajian	Kelas Ijazah				
			Pertama	Kedua (Atas)	Kedua (Bawah)	Ketiga	Jumlah
13	QL04	SM Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian	1	29	15	-	45
14	QI08	SM Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian	4	57	49	1	111
15	QI06	SM Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian			1		1
16	QE02	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	1	64	25	-	90
17	QP21	SM Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	1	72	43	1	117
18	QS43	SM Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)	-	17	10	-	27
19	QS10	SM Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)	-	20	19	-	39
20	QC13	SM Sains dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)	-	12	6	-	18



LAPORAN TAHUNAN 2011
Universiti Sains Islam Malaysia

21	QG07	SM Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)	-	26	13	-	39
22	QI10	SM Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian	-	34	20	-	54
23	QI11	SM Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian	-	39	16	-	55
24	QI05	SM Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	5	89	42	2	138
25	QI07	SM Dawah Dan Pengurusan Islam dengan Kepujian	5	100	32	-	137
26	QA19	SM Kaunseling dengan Kepujian	3	43	19	-	65
27	QA02	SM Komunikasi dengan Kepujian	-	29	8	-	37
28	QB05	SM Bahasa Arab Komunikasi dengan Kepujian	7	58	7	-	72
29	QT35D	SM Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	6	43	5	-	54
30	wQM00	SM Perubatan dan Surgeri					29
Jumlah						1128	

PROGRAM DIPLOMA SISWAZAH

Bil	Kod	Program Pengajian	Kelas Ijazah				Jumlah
			Perama	Kedua (Atas)	Kedua (Bawah)	Ketiga	
31	A201	Diploma SiswaZah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA)					11
32	L201	Diploma Amalan Kehalaman dan Guaman Syarie (DUAP)					6
Jumlah						17	



PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Ujian Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3S) kepada para pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang akan menamatkan pengajian. Hasil daripada kajian Ujian My3S 2011, pencapaian pelajar USIM amat membanggakan dengan memperoleh skor 7.63 daripada 10 mata skor dan USIM berkedudukan 10 universiti teratas.

USIM juga telah memperkenalkan Ujian Penilaian Tahap Kemahiran Insaniah (PTKI) yang dibangunkan secara dalaman oleh Pusat Teknologi Maklumat USIM. Instrumen tersebut dibangunkan untuk mengukur tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3,iaitu sebelum pelajar menduduki Ujian My3S.



MEMANTAPKAN KECEMERLANGAN SUKAN

Dalam usaha untuk melahirkan atlet berkelas dunia, aspek kecemerlangan sukan kalangan mahasiswa juga diberikan penekanan khusus. Hal ini adalah selaras dengan hasrat KPT untuk melahirkan atlet berwibawa dalam kalangan mahasiswa melalui program *The Thinking Athletes*. Sehubungan itu,USIM telah memfokuskan empat acara sukan iaitu tekwando,baling padang, memanah dan seni silat. Pencapaian atlet USIM sepanjang tahun 2011 adalah amat membanggakan,seperti mana berikut:

Jadual 1.6: Kejayaan Atlet USIM Sepanjang 2011

Bil.	Pasukan	Pertandingan	Pencapaian
1.	Pasukan Seni Silat	Kejohanan Pencak Silat Jemputan IPT dan Antarabangsa	1 pingat emas 1 pingat perak
		Kejohanan Pencak Silat Nusantara (Tawau)	1 pingat emas 1 pingat perak
		Kejohanan Sukan MASUM 2011	1 pingat perak
2.	Pasukan Taekwondo	Kejohanan Sirkit MASUM 1	4 pingat gangsa
		Kejohanan Sirkit MASUM 2	1 pingat gangsa
		Kejohanan Sirkit MASUM 3	3 pingat gangsa
3.	Pasukan Boling Padang	Kejohanan Mixed Triples Boling Padang Antarabangsa Labuan 2011	Menduduki kedudukan 16 pasukan terbaik daripada 42 pasukan yang bertanding
		Kejohanan Triples anjuran Majlis Sukan Negeri Sembilan	Peringkat suku akhir
		Kejohanan Sukan MASUM 2011	Peringkat suku akhir
4.	Pasukan Memanah	Kejohanan Memanah K-Kurikulum Berkredit UPM 2011	2 pingat emas 1 pingat gangsa

Selain itu, seramai tiga orang pelajar telah terpilih mewakili Negeri Sembilan Darul Khusus untuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2011 yang diadakan di Kuala Lumpur dalam acara Futsal (Wanita) dan Bola Jaring. Manakala seorang atlet Boling Padang terpilih menjadi atlet Negeri Sembilan Darul Khusus dan mengikuti program persediaan untuk SUKMA 2012 di Pahang Darul Makmur.

MENGUKUHKAN HUBUNGAN INDUSTRI-UNIVERSITI

USIM telah mempunyai jalinan kerjasama dengan 1,278 syarikat di Malaysia dalam pelbagai sektor, antaranya sektor perbankan, pentadbiran, pendidikan, penyiaran, perundungan, pengilangan dan perniagaan. Program jalinan kerjasama itu tercapai menerusi pemeterahan Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), penganjuran program secara bersama, lawatan industri, latihan cuti sabatikal staf, dan penempatan pelajar latihan industri. Hubungan strategik USIM dengan industri sedikit sebanyak telah melonjakkan reputasi USIM serta meningkatkan kebolehpasaran graduan USIM di alam kerjaya.



USIMKRA 2

PROGRAM PENGAJIAN YANG DIKTIRAF
DAN TERSOHOR PERINGKAT NEGARA
DAN ANTARABANGSA

PROGRAM PENGAJIAN YANG DILIKTIRAF DAN TERSOHOR PERINGKAT NEGARA DAN ANTARABANGSA

USIM berusaha untuk menjadi salah satu institusi yang menawarkan bidang berkaitan penawaran program pengajian yang diliktiraf dan tersohor di peringkat dalam negara dan juga antarabangsa. Bidang keberhasilan ini amat penting untuk dicapai bagi menjadikan Universiti ini sebagai salah satu pusat pengajian tinggi yang dikenali dan dihormati melalui penawaran kursus pengajian yang berkualiti.

E-PEMBELAJARAN (GOALS)

CAP e-Pembelajaran menyasarkan penggunaan sistem e-pembelajaran berpandukan kepada Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) yang telah dilancarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Projek Global Open Access Learning System (GOALS) dimulakan

secara rasmi pada 1 Ogos 2011. Sistem GOALS berjalan selari dengan sistem myLMS (merupakan sistem sedia ada



yang digunakan). Projek GOALS dibangunkan untuk menggantikan sistem myLMS (Learning Management System) yang mempunyai masalah dan tidak mesra pengguna. Pelaksanaan GOALS dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Projek GOALS Fasa 1 (Fasa Migrasi), Projek GOALS Fasa 2 (Fasa Pembangunan) dan Projek GOALS Fasa 3 (Fasa Pengukuhan).

- Fasa 1 (Migrasi): Pengenalan dan pembudayaan sistem GOALS, iaitu latihan dan promosi GOALS diberi penekanan agar 36% pengguna myLMS akan beralih arah kepada sistem GOALS.
- Fasa 2 (Fasa Pembangunan): Sistem GOALS yang sedia ada digunakan secara optimum dan dijangka sistem myLMS yang sedia ada akan ditutup sepenuhnya pada Semester II 2011/2012. Pembangunan dan pengukuhan sistem GOALS akan dijalankan secara berjadual.

- Fasa 3 (Fasa Pengukuhan): Sistem GOALS/e-Pembelajaran digunakan sepenuhnya oleh warga akademik dan pelajar USIM.

Berikut merupakan jadual perancangan hala tuju e-Pembelajaran USIM yang dalam proses pembangunan bermula pada 2011 sehingga 2015.

Jadual 2.1: Hala Tuju e-Pembelajaran USIM

		2011-2012	2013-2014	2015
STRUKTUR ORGANISASI	JALUR LEBAR	50-100 MB	100-500 MB	1 GB
	MEJA BANTUAN & SOKONGAN	Menubuhkan unit helpdesk/khidmat sokongan	Mempunyai khidmat helpdesk dari sistem sokongan	Menyediakan khidmat helpdesk yang efisien
	PERALATAN ICT	Menyediakan peralatan ICT dan pelantar e-Pembelajaran web 2.0	Menggunakan plantar e-Pembelajaran 2.0 dan perisian terbuka	Menggunakan plantar e-Pembelajaran 2.0 dan perisian terbuka
	VISI	Mengintegrasikan e-Pembelajaran dalam pembelajaran dan pengajaran	Dintegrasikan sepenuhnya dalam P&P	Semua IPT mempunyai visi yang komprehensif yang dikongsi bersama oleh semua stakeholders
	PELAN	Melaksanakan pelan tindakan	Pelan tindakan e-Pembelajaran yang komprehensif telah dilaksanakan	Semua bahagian melaksanakan pelan e-Pembelajaran dalam urusan harian dan semua staf mengamalkan e-Pembelajaran
	KEPIMPINAN	Menubuhkan satu pasukan e-Pembelajaran	Pasukan e-Pembelajaran dimantapkan	Pelan e-Pembelajaran diinisiasi oleh pasukan penilaian berdasarkan piawai e-Pembelajaran IPT
	POLISI	Garis panduan e-Pembelajaran digubal	Polisi e-Pembelajaran diperkemas	Polisi AUP dapat menangani keperluan dan penggunaan teknologi baru dari segi etika dan hak cipta
	UNIT E-PEMBELAJARAN	Menubuhkan unit e-Pembelajaran serta menyelaras aktiviti e-Pembelajaran dengan kerjasama Pusat ICT	Unit e-Pembelajaran beroperasi pada tahap 50%	Pusat e-Pembelajaran beroperasi sepenuhnya iaitu menjalankan latihan dan R&D bagi e-Pembelajaran 2.0
	PENGETAHUAN	25% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan mengamalkannya	50% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan mengamalkannya	Semua staf dan pelajar mempunyai pengetahuan dalam pedagogi dan mengamalkan e-Pembelajaran
PERKEMBANGAN PROFESIONAL	KEMAHIRAN	25% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam teknologi dan literasi maklumat di IPT	50% staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam pedagogi dan literasi maklumat di IPT	Semua staf dan pelajar mempunyai kemahiran dalam teknologi dan literasi maklumat
	SIKAP	25% staf dan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap e-Pembelajaran	50% staf dan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap e-Pembelajaran	Semua staf, pelajar dan stakeholders IPT mempunyai sikap yang positif terhadap e-Pembelajaran

KURIKULUM DAN E-KANDUNGAN	KURIKULUM	Semua IPT harus mempunyai sekurang-kurangnya 5-10% daripada kurikulum kursus dalam mod blended	Semua IPT harus mempunyai 10-30% kurikulum kursus dalam mod blended	Semua IPT harus mempunyai 30% kurikulum kursus dalam mod blended
	PEMBANGUNAN	e-Kandungan asli digalakkan dengan 10% e-Kandungan dapat dibangunkan oleh IPT	25% e-Kandungan asli dapat dibangunkan	50% e-Kandungan asli dapat dibangunkan
	PENTAKSIRAN	Taksiran awal yang dilaksanakan mengandungi aktiviti dan kolaborasi	Peningkatan terhadap aktiviti e-Pentaksiran	Aktiviti e-Pentaksiran telah dilaksanakan sepenuhnya
	PIAWAI	Garis panduan e-Pembelajaran mulai digubal	Piaawai standard e-Pembelajaran telah digubal dan dinilai untuk pelaksanaan	Standard atau piaawai e-Pembelajaran boleh diguna pakai untuk dilaksanakan di semua IPT
PENGENDAISAN	KESEDIAAN	Staf dan pelajar mempunyai akses yang terhad dalam e-Pembelajaran	Staf dan pelajar mempunyai akses kepada e-Pembelajaran	Staf dan pelajar menggunakan e-Pembelajaran di semua peringkat
	E-PEMBELAJARAN	Terdapat penggunaan e-Pembelajaran dalam beberapa bidang tertentu	Penggunaan e-Pembelajaran dalam semua bidang	IPT menyebar dan berkongsi amalan terbaik dalam e-Pembelajaran
	INSENTIF	e-Pembelajaran merupakan sebahagian daripada beban tugas staf dan pengiktirafan diberi kepada staf	e-Pembelajaran merupakan tugas harian bagi seseorang staf akademik di samping memberi pengiktirafan dalam bentuk sijil dan kenaikan pangkat	Memberi pengiktirafan nasional dan sijil



Fasa 1 pembangunan Projek GOALS untuk menggantikan myLMS pada 2011 telah selesai 100% mengikut fasa pencapaian yang ditetapkan. Sehingga November 2011, peratusan pengguna yang menggunakan aplikasi GOALS adalah sebanyak 32%. Peratusan penggunaan yang menggunakan myLMS sebanyak 45% sahaja menunjukkan peralihan pengguna kepada GOALS yang signifikan. Pembangunan Fasa 2 yang bermula pada Januari 2012 sehingga Disember 2012 menyasarkan penggunaan 100% aplikasi GOALS untuk menggantikan peranan sistem myLMS yang masih digunakan kini.

Latihan dan Pembudayaan

Selain itu, Unit Jaringan Pembelajaran yang dahulunya di bawah pengurusan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) kini dibawa keluar dan dinaik taraf menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global (GOAL Centre). Ia secara rasmi ditubuhkan oleh Naib Canselor USIM pada 1 Oktober 2011. Penubuhan pusat ini membantu menyelaraskan e-Pembelajaran di bawah GOAL Centre, termasuklah penawaran kursus secara Pengajaran Jarak Jauh (PJJ), Kursus Sepanjang Hayat (Life Long Learning), Pembangunan e-Kandungan (Kandungan Digital), latihan e-Pembelajaran, promosi dan pembudayaan.

Latihan-latihan dan promosi berkenaan GOALS dan Aplikasi Web 2.0 juga diberi penekanan kepada warga akademik USIM. Latihan secara berkala diadakan dengan kerjasama PIPP dan seramai 131 orang staf akademik telah menghadiri kursus asas GOALS dan Aplikasi Web 2.0 yang diadakan dari bulan Ogos hingga Disember 2011.

Jadual 2.2:Takwim Latihan 2011

	LATIHAN	SASARAN
25 Ogos 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
7 Sept 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
29 Sept 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
5 Okt 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
12 Okt 2011	Latihan Asas GOALS	Pentadbiran
19 Okt 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
2 Nov 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
23 Nov 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
7 Dis 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik
28 Dis 2011	Latihan Asas GOALS	Akademik

Statistik Penggunaan dan Pengunjung

Penumpuan untuk menjayakan projek GOALS ini mendatangkan impak yang amat baik terutamanya dalam aspek peningkatan penggunaan aplikasi sistem GOALS oleh staf akademik. Mengikut statistik Google Analytics, jumlah pengunjung pada Ogos hingga Disember 2011 sebanyak 175,313 pengunjung.

Gambar Rajah 2.1: Statistik Penggunaan dan Pengunjung Sistem GOALS



Pembangunan Sistem

Unit Pembangunan Sistem diwujudkan agar sistem GOALS sedia ada sentiasa dikemas kini dan dinaik taraf sejajar dengan perkembangan teknologi terkini. Sistem GOALS akan dinaik taraf apabila terdapat update patch atau naik taraf untuk isu keselamatan dan kestabilan sistem terbaru yang dikeluarkan oleh pihak Moodle. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam memastikan sistem dan perkakasan server berada dalam keadaan yang baik dan sentiasa boleh diakses tanpa sebarang masalah.

Pembangunan Kandungan Digital (e-Content)

Sejajar dengan teknologi dan peredaran masa, kandungan digital dilihat dapat memberikan impak yang besar kepada pelajar untuk mempelajari sesuatu bahan pengajaran dengan lebih efektif dan berkesan. Oleh itu, Unit Pembangunan Kandungan Digital diwujudkan untuk membantu pensyarah dalam pengajaran serta menghasilkan kandungan digital untuk kegunaan dalaman dan juga projek luar USIM. Antara kandungan digital yang telah dihasilkan adalah bagi program Projek Malaysian Education Online (MeDO).

Unit Helpdesk GOALS

Unit Helpdesk GOALS ditubuhkan selaras dengan penggunaan sistem GOALS secara rasmi pada Ogos 2011. KPI yang telah ditetapkan bagi memberikan maklum balas kepada setiap aduan adalah dalam masa 24 jam. Pelajar dan pensyarah boleh membuat aduan melalui empat cara iaitu:

- Sistem Helpdesk USIM
- E-mail Helpdesk GOALS
- Telefon
- Walk-In

Projek MeDO (Malaysian Education Online)

GOAL Centre juga mengadakan usaha sama dengan pihak AeU/MeDO (Malaysian Education Online) untuk memasarkan produk USIM iaitu program Master by Research seperti di bawah:

Kedua-dua kursus ini dijangka akan dilancarkan pada 2012. Kursus ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah pembelajaran Open and Distance Learning, iaitu pelajar boleh mempelajari secara kendiri dengan bantuan daripada bahan-bahan pembelajaran berbentuk Self Instructed Module (SIM) yang terdiri daripada Internet, CD, buku digital (e-Book), e-Kandungan (Kandungan Digital/Interaktif) dan jurnal.

GOAL Centre juga telah berjaya bergerak seiring dengan kemajuan teknologi e-Pembelajaran terkini di samping, bersandarkan kepada hala tuju Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) yang dilancarkan oleh pihak KPT. Oleh itu, penubuhan satu Pusat e-Pembelajaran (GOAL Centre) berserta Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pembangunan Sistem, Unit Pembangunan Kandungan dan Unit Helpdesk dan Latihan adalah perlu sejajar dengan matlamat memperkasakan penggunaan teknologi e-pembelajaran di USIM. Selain itu, projek MeDO dijangka akan menarik minat pelajar dalam negara mahu pun di luar negara di samping, mempromosikan produk-produk keluaran USIM yang berkualiti tinggi.

Manakala bagi latihan dan pembudayaan pula diteruskan secara efektif sepanjang 2011 dengan tujuan memperlengkapkan warga akademik USIM dengan pengetahuan e-Pembelajaran terkini yang berguna untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembangunan dan menaiktarafkan sistem GOALS dijalankan dari semasa ke semasa dengan memberi penumpuan kepada teknologi-teknologi baru berasaskan Perlisan Sumber Terbuka (Open Source) dan teknologi mobile (telefon bimbit, tablet dan lain-lain).

INDUSTRY ACADEMIA

Antara sasaran Industry Academia ialah 100% program pengajian di USIM dianggotai oleh dua orang atau lebih ahli industri sebagai panel penasihat program pengajian yang ditawarkan agar penawaran dan isi kandungan kursus selari serta menepati kehendak industri.

Sepanjang tahun 2011, aktiviti ditumpukan kepada empat projek utama iaitu Projek DPMM/DPMM Wilayah, Projek Major Employer, Projek IKS dan Projek EU-MCCI. Bagi memenuhi hasrat ini, kerjasama dari fakulti amat diperlukan untuk mencalonkan wakil industri yang layak untuk dilantik sebagai salah seorang ahli panel Penasihat Fakulti terbabit.



Projek DPMM/DPMM Wilayah

USIM telah menandatangani satu MoU bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Sembilan pada 10 November 2011 manakala DPMM Kuala Lumpur pula telah menawarkan 14 syarikat yang sesuai untuk dijadikan penempatan kepada pelajar USIM yang layak bagi menjalani Latihan Industri selama 6 bulan.

Projek Major Employer

Pada tahun 2011, seramai empat orang ahli panel penasihat fakulti yang terdiri daripada ahli industri yang terlibat secara langsung dalam empat projek utama industri akademia telah dilantik oleh Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Panel penasihat fakulti ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun dengan tujuan utama supaya ahli industri yang telah dilantik dapat memberikan maklum balas dan buah fikiran terhadap perkembangan dan hala tuju fakulti serta program pengajian secara keseluruhan.

Pelantikan panel penasihat fakulti ini juga telah membuka ruang kepada perkongsian pandangan, kepakaran, dan penambahbaikan program pengajian yang terdapat di USIM. Impak ini penting bagi menjadikan program pengajian di USIM sentiasa berkualiti dan relevan dengan perkembangan semasa.

PENGANTARABANGSAAN

Aktiviti pengantarabangsaan ditumpukan kepada beberapa projek yang berkaitan dan menyasarkan 100% Pelajar Cemerlang dengan PNGK 3.00 mengikuti Program Mobiliti seperti berikut:

*Projek Outbound***Jadual 2.3: Senarai Projek**

Bil.	Program/Projek	Fakulti/PTJ	Tarikh	Peserta	Negara
1	Menjalin Kerjasama Antarabangsa dengan Komuniti Muslim di Benoa China	FEM	17-24 Jun 2011	5 pelajar dan seorang pegawai pengiring	China
2	Misi Antarabangsa Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Muamalat	FEM	5-11 November 2011	30 pelajar dan 3 pegawai pengiring	Turki
3	Ekspedisi Jejak Islam di Batam, Indonesia 2011	FKP	5-11 Mei 2011	Pelajar dan 2 pegawai pengiring	Batam, Indonesia
4	Pengembaraan Ilmiah Merentas Asia (PIMA) 2011	FEM	22-29 Mei 2011	Pelajar dan 2 pegawai pengiring	Dubai
5	Lawatan Intelek Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010	BHEP	22-29 Mei 2011	MPP dan BHEP	Perth, Australia
6	Rehlah Nusantara 2011 (ASEAN Tour)	FPBU	23-29 Mei 2011	Pelajar	Bandung, Indonesia
7	Misi Bantuan Kesukarelawan 2011 (GISO)	BHEP	13-19 Jun 2011	Pelajar	Makati, Filipina
8	Program Khidmat Bakti Siswa	FPQS	26 Jun -2 Julai 2011	Kakitangan dan pelajar	Kemboja
9	Program Mobiliti Antarabangsa: 3 rd International Students Summer Programme	BKKPA	26 Jun - 6 Julai 2011	1. Ibrahim Hussin Ibrahim Hussin (FSU) 2. Nor Farha Zubair(FEM)	Universitas Gadjah Mada, Indonesia
10	Misi Kemanusiaan di Kemboja 2011	BHEP	9-16 Julai 2011	BHEP	Kemboja dan Vietnam
11	Program Mobiliti Antarabangsa: Woosung University, Daejeon Korea Selatan	BKKPA	10- 24 Julai 2011	Hanisah Hassan (FST)	Korea Selatan
12	Lawatan Akademik dan Pengantarabangsaan	PSU	17-23 Julai 2011	Pelajar dan pegawai pengiring	Indonesia
13	Program Kembara Ilmu ke Korea Selatan USIM Sesi 2010/2011	BHEP	19-25 Julai 2011	Pelajar dan Felo KK1	Korea Selatan
14	Kembara Sinar Ramadan di Bumi Kemboja	FEM	2-8 Ogos 2011	11 pelajar, seorang pegawai pengiring dan 8 sukarelawan dari NGO/penaja	Kemboja
15	Program Mobiliti Antarabangsa: Asian Science Camp 2011 di Daejon, Korea	BKKPA	7 -13 Ogos 2011	Ahmad Tautik Mokhtara (FST)	Korea
16	Lawatan Delegasi Jawatankuasa Kebajikan Siswa/wi (JAKSA) Kolej Kediaman Desa Jati ke Beijing, China	BHEP	11-17 September 2011	Pelajar dan pegawai pengiring	Beijing, China



LAPORAN TAHUNAN 2011

Universiti Sains Islam Malaysia

17	Program Mobiliti Antarabangsa: Asia-Pacific Youth Caravan di Seoul, Korea	BKKPA	23 September - 1 Oktober 2011	Siti Fatihah Khotil	Korea
18	Lawatan Kecemerlangan Seni Budaya 1 Dunia	BHEP	28 September - 1 Oktober 2011	BHEP	Ho Chi Minh, Vietnam
19	Program Lawatan Sambil Belajar ke Melbourne, Australia	PKP	14 - 18 Oktober 2011	36 pelajar Program Kaunseling dan 2 pegawai pengiring	Melbourne, Australia
20	Program Pengantarabangsaan (Lawatan dan Perkhidmatan Komuniti) ke Universiti Thammasat, Thailand	FPg	26 Oktober - 2 November 2011	Pelajar Tahun 5 dan 3 pegawai pengiring	Universiti Thammasat, Thailand
21	Misi Antarabangsa Mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Muamalat	FEM	5-11 November 2011	30 pelajar Tahun 2 dan 3 pegawai pengiring	Turki
22	Program Rentas Sempadan Pemimpin Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ke Australia	Jabatan Pengajian Tinggi	11-16 Januari 2011	Saudara Mohd Hazimin Harun (PSU)	Sydney, Australia
23	Lawatan Delegasi Jawatankuasa Kebajikan Siswa/wi (JAKSA) Kolej Kedieman Desa Jati ke Beijing, China	Jawatankuasa Kebajikan Siswa/wi (JAKSA) Kolej Kedieman Desa Jati	23-31 Mei 2011	9 pelajar dan seorang pegawai pengiring	Beijing, China
24	Pengambaran Ilmiah Merentas Afrika (PIMA) 2011	Jawatankuasa Kebajikan Siswa/wi (JAKSA) Kolej Kedieman Sutera Indah	16-22 Mei 2011	20 pelajar dan 3 pegawai pengiring	Morocco
25	Lawatan Intelek Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2009/2010	23-29 Mei 2011	10 pelajar dan 2 pegawai pengiring	Perth, Australia
26	Program Kembara Ilmu ke Korea Selatan USIM Sesi 2010/2011	Jawatankuasa Kebajikan Siswa/wi (JAKSA) Kolej Kedieman Nikam Court	16-22 Mei 2011	25 pelajar dan pegawai pengiring	Korea Selatan
27	Program Lawatan Ilmiah ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Fakulti Bahasa Arab dan Taradun Islam (FBATI, UNISSA)	FPBU	19 - 23 September 2011	12 pelajar	Brunei
28	Program REHLAH Nusantara Jakarta Bandung, Indonesia	FPBU	23 - 29 Mei 2011	Pelajar	Jakarta Bandung, Indonesia
29	Persidangan Persatuan Pelajar Pergigian Asia Pacific (APDSA) 2011	FPg	15 - 21 Ogos 2011	3 pelajar	Bangkok, Thailand

30	Program Khidmat Bakti Siswa	FPSK	26 Jun - 2 Julai 2011	45 pelajar Darul Quran	Kemboja
31	Lawatan Akademik dan Pengantaraan Fakulti Syariah dan Undang-undang	FSU	17-23 Julai 2011	Staf dan Pelajar	Indonesia

Projek Inbound

Jadual 2.4: Senarai Projek Inbound

No.	Program/Projek	Peserta Program	Tarikh / Tempoh	Fakulti/PTJ
1	Students Exchange Program (Inbound) from Sultan Qaboos University	7 pelajar Oman dari College of Medicine and Health Sciences, Sultan Qaboos University	9 Mei 2011 - 24 Jun 2011	FPSK
2	Students Exchange Program (Inbound) from Sultan Qaboos University	3 pelajar Oman dari College of Medicine and Health Sciences, Sultan Qaboos University	13 Jun 2011 - 8 Julai 2011	FPSK
3	Students Exchange Program UNISSA, USIM	3 pelajar Brunei Darussalam dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	Sesi Akademik 2011/2012	FSU dan FKP

Projek Latihan Industri Luar Negara

Jadual 2.5: Senarai Latihan Industri Luar Negara

No.	Program/Projek	Peserta Program	Tarikh / Tempoh	Fakulti/PTJ	Penempatan
1	Program Latihan Industri Luar Negara	3 pelajar	16 minggu	FPSK, FSU dan FST	Australia

Projek International Visit

Jadual 2.6: Senarai Projek International Visit

No.	Program/Projek	Tarikh / Tempoh	Negara	Tempat
1	Lawatan Kerja Rasmal USIM ke Yogyakarta dan Pondoro, Indonesia	22 - 27 Mei 2011	Indonesia	1) Institut Studi Islam Darululam (ISID) 2) Universitas GadjahMada (UGM) 3) Universitas Islam Indonesia (UII) 4) Pondok Modern Gontor 5) Pondok Modern Watt Sogo Ngabab
2	Lawatan Kerja Rasmal USIM ke Institute of Islamic Studies, University of the Philippines Diliman	16 - 19 Jun 2011	Filipina	Institute of Islamic Studies, University of the Philippines Diliman



LAPORAN TAHUNAN 2011
Universiti Sains Islam Malaysia

				1) Pejabat Jabatan Periuntut Malaysia (EM), Kedutaan Besar Malaysia di Jordan 2) University of Jordan 3) The World Islamic Science and Education University 4) Zarqa Private University, Jordan 5) The Hashemite University, Jordan 6) The al-Bayt University, Hashemite Kingdom of Jordan 7) Yarmouk University 8) Jordan University of Science and Technology 9) King Al-Hussein bin Talal University, Jordan 10) Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jordan
3	Lawatan Kerja Rasmi USIM ke Jordan	17 - 24 Jun 2011	Jordan	
4	Lawatan Kerja ke Thailand Sebagai Tanda Arah Pemeriksaan Program Pembangunan Modal Insan Staf di IPTA	26 - 28 September 2011	Thailand	Prince Songkhla University, Thailand
5	Lawatan Kerja Rasmi USIM ke Negara Asia Tengah serta Penyertaan dalam Program Indo Global Education Summit 2011 di India	30 Oktober - 9 November 2011	Maldives, Sri Lanka, India dan Bangladesh	1) College of Islamic Studies, Male 2) Peradeniya University, Sri Lanka 3) Colombo University, Sri Lanka 4) Aligarh Muslim University, India 5) International University of Business Agriculture Technology (IUBAT), Bangladesh 6) Dhaka University, Bangladesh
6	Lawatan Kerja Rasmi USIM ke Brunei Darussalam	17 - 22 November 2011	Brunei Darussalam	1) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2) Universiti Brunei Darussalam (UBD) 3) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Program ini memberi impak yang besar kepada para pelajar apabila mereka mendapat perakuan daripada syarikat luar negara dari segi keupayaan pelajar untuk berkhidmat dengan pelbagai syarikat antarabangsa. Program pengantarabangsaan USIM juga memberi peluang dan pendedahan bukan sahaja kepada para pelajar USIM, tetapi juga bagi para pelajar luar negara untuk merasai pengalaman di USIM.

Dalam masa yang sama, USIM mulia dikenali di peringkat antarabangsa terutamanya dalam kalangan rakan universiti dan komuniti setempat yang mendapat khidmat GISO dari pelajar USIM dan mereka berupaya menjana kewangan melalui pelbagai program anjuran fakulti dan PTJ untuk menampung pembayaran kos program pengantarabangsaan.

Jaringan kerjasama dan rakan strategik universiti telah bertambah dari pelbagai benua dan negara serta mendapat pengiktirafan universiti oleh universiti luar negara. USIM juga turut menjadi benchmark bagi beberapa rakan universiti antarabangsa.



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penilaian e-Pengajaran menyasarkan 80% pensyarah mendapat skor e-Nilai melebihi 80%. Sebanyak 25 kursus telah dianjurkan oleh PIPP untuk staf akademik USIM dengan 391 penyertaan.

Jadual 2.7: Senarai Kursus Anjuran PIPP

NO	TARIKH	AKTIVITI
1	10 Januari 2011	Bengkel Pemurnian Dokumen Outcome-based Education (OBE)
2	26 Januari 2011	Bengkel Pembangunan Kandungan (Content Development) Bersama Asia e-University (AeU)
3	10 Februari 2011	Bengkel Pemurnian Dokumen Sempakan Kurikulum Bersama KPT
4	11 Februari 2011	Bengkel Penyediaan Soalan
5	23 Mac 2011	Bengkel Hala Tuju Pembangunan Akademik
6	08 April 2011	Kursus Intensif Bahasa Arab Eksekutif
7	20 April - 6 Mei 2011	Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bercuti Belajar (SLAB) Bil.1/2011

8	04 Mei 2011	Kursus Penilaian Afektif Bil. 1/2011
9	12 Mei 2011	Taklimat Sistem SAS
10	19 Mei 2011	Kursus Penilaian Psikomotor Bil. 1/2011
11	23-24 Mei 2011	Latihan Sistem SAS
12	30-31 Mei 2011	Latihan Sistem SAS
13	25 Mei 2011	Bengkel Pemurnian Modul AeU
14	11-19 Julai 2011	Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) Bil.1/2011
15	14 Julai 2011	Bengkel Kajian Kes
16	19 Julai 2011	Bengkel Perisian Articulate Studio 09 Basic
17	20 Julai 2011	Bengkel Mentoring Perisian Articulate Studio 09
18	10 Ogos 2011	Kursus Asas Penyediaan Portfolio Penyayahan
19	29 September 2011	Sesi Perkongsian Pintar Penyayahan Muda Bersama Profesor
20	12 Oktober 2011	Kursus Penilaian Psikomotor Bil. 2/2011
21	1 November 2011	Kursus Penilaian Afektif Bil. 2/2011
22	9-11 November 2011	Kursus Pengenalan kepada Problem Based Learning (PBL)
23	14-25 November 2011	Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bercuti Belajar (SLAB)
24	15-16 November 2011	Kursus Auditor Dalaman
25	21 November 2011	Kursus Pembangunan Kemahiran Belajar (SLSS)

Jaminan Kualiti (Akademik)

Sesebuah organisasi akademik yang unggul perlulah mempunyai jaminan kualiti akademik yang tinggi. Dalam usaha untuk memastikan USIM menjadi sebuah organisasi yang terbilang, USIM telah meletakkan sasaran untuk mencapai tahap melebihi 4 Bintang dalam penilaian SETARA.

Seterusnya, Sistem Penaraian Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA 11) dan Sistem Penaraian Disiplin Pengajian (Discipline-Based Rating System, D-SETARA) bagi bidang Pengajian Perubatan oleh FPSK telah dilaksanakan pada Mac 2011 sehingga Disember 2011 bagi data institusi. Program baharu yang mula ditawarkan pada Julai 2011 adalah program Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah-Fleksi) oleh FKP.

Selain itu, Projek Audit Fizikal oleh KPT bagi skop Perlaksanaan Kajian Audit Penggunaan Ruang di IPTA-USIM Kampus Induk (Nilai) & Kampus Cawangan (Pandan Indah) telah berjaya dilaksanakan pada 1 hingga 31 Oktober 2011.

Perakuan Akreditasi bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri telah diterima pada 1 November 2011 (MQA (S)10/13/1/1 Jld.39(71)) untuk tempoh sah laku dari 11 Januari 2011 sehingga 10 Januari 2014. Manakala tiga program sarjana muda telah mendapat pengiktirafan kelayakan daripada JPA pada Disember 2011 dan telah tersenarai di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) seperti berikut:

- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)(JPA(L)S.180/8/1-96 Kit. (9),7 Disember 2011)
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) (JPA(L)S.180/8/1-96 Kit. (9),7 Disember 2011)
- Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian (JPA(L)S.180/8/1-96 Kit. (20),8 Disember 2011)

Program Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, FEM telah mendapat pengecualian kertas peperiksaan bagi Sijil Profesional Association of Chartered Certified Accountants (ACCA). Daripada sembilan kertas Fundamental yang disyaratkan untuk peperiksaan ACCA, sebanyak tujuh kertas Fundamental yang telah mendapat pengecualian bagi peperiksaan tersebut kepada graduan USIM. Kertas peperiksaan tersebut seperti berikut:

- F1-The Accountant in Business
- F2-Management Accounting
- F3-Financial Accounting
- F4-Corporate and Business Law
- F5-Performance Management
- F7-Financial Reporting
- F8-Audit and Assurance

TOP BUSINESS SCHOOL (TBS)

Terdapat beberapa aktiviti telah dijalankan bagi merealisasikan agenda Top Business School (TBS) i nl.

Projek Pusat Pengajian Siswazah

Pusat Pengajian Siswazah Muamalat (Graduate School of Muamalat GS-Muamalat) telah diluluskan penubuhannya oleh Lembaga Pengarah Universiti melalui Mesyuarat LPU Bilangan 5 2010. Pusat ini merupakan salah satu usaha serius USIM untuk mencapai status sebagai Top Business School di negara ini.





Projek Kerjasama Antarabangsa (Joint Degree)

Beberapa usaha telah diambil bagi menggerakkan kerjasama penawaran program akademik secara "joint degree". Dua universiti yang telah diusahakan ialah Bangor University (Wales) dan La Trobe University (Australia). Beberapa siri perbincangan dengan pihak Bangor University telah dibuat pada 16 Mac 2011, 20 April 2011 dan 17 Ogos 2011. Antara wakil Bangor University yang terlibat ialah Dr. Aziz Jaafar dan Encik Norazmi (wakil Bangor University di Malaysia) serta Sarah Jones Morris (pegawai perhubungan rantaui Asia Tenggara).

Kesukaran untuk menjayakan kerjasama ini ialah dari segi persetaraan kursus yang menggunakan sistem kiraan kredit yang berbeza antara kedua-dua institusi. Selain itu, bilangan kursus yang boleh dibuat pindahan kredit terhad kerana sifat program yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi juga berbeza pendekatan antara konvensional dan Islamik. Menjadi harapan USIM agar melalui penawaran program baharu oleh GS-Muamalat yang dirancang pada 2012 nanti dapat menggarap kerjasama antarabangsa yang lebih erat dengan institusi-institusi yang terbabit.

Projek Pengantarabangsaan Fakulti

Profesor Akihiro Noguci dari Nagoya University, Jepun telah dilantik sebagai profesor pelawat pada 14 hingga 18 November 2011. Selain itu, pihak GS-Muamalat juga pernah menerima kunjungan oleh Profesor Michimasa Satoh dari Nagoya University dan Profesor Osamu Matsuda dari Nagoya Sangyo University yang berminal untuk berbincang dan berkongsi kepakaran mengenai perbankan Islam.

Projek Kolaborasi Industri

• Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)

Perjanjian persefahaman telah ditandatangani oleh USIM dan BMMB pada 13 Disember 2011. Hasil dari pada perjanjian ini beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti pembiayaan penerbitan Ensiklopedia Muamalat, cadangan penerbitan tiga kertas penyelidikan serta satu perundingan. Kesemua aktiviti ini dalam proses terakhir untuk menandatangani perjanjian persetujuan (MOA).

• Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Kerjasama dengan pihak industri juga telah diusahakan dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kerjasama yang dipersetujui ialah pihak PNB akan membiayai penyandang Kursi Akademik USIM. Berikutnya itu, Kursi Akademik Yayasan Tun Ismail telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-62 Bil.2/2011. Melalui aktiviti yang dijalankan terbukti bahawa GS-Muamalat diiktiraf dan diterima baik oleh pihak antarabangsa dan industri.



USIMKRA 3

MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA
MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN
PENDETA YANG TERSOHOR

MEMBANGUN DAN MEMUPUK SERTA MELAHIRKAN CENDEKIAWAN DAN PENDETA YANG TERSOHOR

USIM bertekad membangun dan memupuk serta melahirkan cendekiawan dan pendeta yang tersohor melalui aktiviti penerbitan, penyelidikan, persidangan, khidmat kepakaran, penempatan staf akademik dan pembangunan pusat kecemerlangan.

Terdapat lima Projek Agenda Kritis/*Critical Agenda Project* (CAP) yang mendukung objektif USIMKRA 3 seperti berikut:

Rajah 3.1 – Lima Projek Agenda Kritis di bawah USIMKRA 3



KHIDMAT KEPAKARAN (ACADEMIA)

USIM menyasarkan agar lebih daripada 5% bilangan staf akademik diiktiraf secara profesional dalam pelbagai peringkat sama ada dalam negara maupun peringkat antarabangsa melalui penglibatan dengan badan-badan profesional.

Staf akademik turut terlibat dalam persatuan-persatuan akademik dan badan-badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, kepakaran staf akademik USIM juga dirujuk oleh organisasi dan pertubuhan lain.

Tiga projek utama di bawah CAP Academia merangkumi Projek Top International Faculties, Projek Juara Masyarakat dan Projek Think Tank Negara. Bagi Projek Top International Faculties, senarai penglibatan ahli akademik seperti di bawah:

Rajah 3.2 – Bilangan staf akademik yang terlibat dengan projek utama di bawah CAP Academia



(Sumber: Sistem eAkademik)



PEMBANGUNAN PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN (COE)

USIM sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu serta kecemerlangan terutama dalam penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. Oleh itu sebanyak lima COE iaitu Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Akademi Permata Insan (API) telah ditubuhkan. Antara aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan adalah seperti di bawah:

Projek Pembinaan Daya Upaya (*Capacity Building*)

Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)

Visi IFMWI ialah untuk menjadi pusat rujukan global dalam pengurusan harta dan kewangan Islam. Pada 27 Januari 2011, IFMWI telah menandatangani MoA bersama Malaysian Financial Planning. IFMWI juga telah menerima lawatan ilmiah serta pembentangan kajian ijazah tinggi daripada para pelajar siswazah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM). Lawatan ini telah berlangsung pada 22 Februari 2011 bertempat di Bilik Persidangan FEM. Empat kajian ijazah tinggi telah dibentangkan oleh para pelajar siswazah dan pensyarah dari USIM dan juga USM semasa lawatan ini iaitu:

Jadual 3.1: Siri Pembentangan Kajian Ijazah Tinggi

Tajuk	Pembentang
Tasawwur Pembangunan dalam Al-Quran Satu Kajian Tematik	Encik Mohamad Syukri Bin Hanapi
Pembangunan Insaniah di Singapura	Encik Shereeza Bin Mohd Sanit
Pembentangan Audit Shariah	Puan Supiah Binti Salleh
Pembangunan Halal Trading Halal Produk	Puan Wan Khadijah Binti Wan Mohd Nasir

Bagi menggantikan Siri Diskusi IFMWI yang telah menjadi aktiviti tahunan, satu kelainan telah dibuat dengan mengadakan Program Perancangan Kewangan Efektif. Sebanyak empat siri program telah diadakan iaitu:

Jadual 3.2: Siri Program Perancangan Kewangan Efektif IFMWI 2011

TARIKH	TAJUK MODUL
12 Mei 2011	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep Pengurusan Kewangan Islam - Pengurusan Aliran Wang Tunai - Pengurusan Hutang Yang Efektif
30 Jun 2011	<ul style="list-style-type: none"> - Perancangan Pelaburan - Pencapaian Matlamat Kewangan
14 September 2011	<ul style="list-style-type: none"> - Aplikasi Takaful Dalam Perancangan Kewangan Islam & Kehidupan - Pembudayaan Wasiat Dalam Islam
20 Oktober 2011	<ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Perwartaan



Selain itu juga, IFWMI turut mengadakan Bengkel niche Islamic Wealth Management & Perbincangan Proposal Penyelidikan Research Group (RG) Wakaf, Zakat & Mal Management sebagai persediaan bagi Bengkel Gagasan Bilara & Roadmap R&D USIM bertempat di AFamosa Resort, Melaka. Di bawah niche ini terdapat lima kertas cadangan yang telah diluluskan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Pada 5 Julai 2011, Pengarah IFWMI telah dijemput sebagai pembentang jemputan di Islamic Research and Training Institute (IRI) Research Seminar 1 & 2: Governance And Audit In IFRS In Malaysia: A Guide To Shariah Audit Applications. Seminar ini juga telah membentangkan draf buku *Governance and Audit in Islamic Financial Institutions* kepada penyelidik di IRI.

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)

IHRAM berperanan dalam meningkatkan dan menjamin kualiti penjanaan ilmu dan perkhidmatan ke arah menjadikan IHRAM sebagai sebuah pusat ilmu yang terpilih. IHRAM dengan kerjasama Halal Industry Development Corporation (HDC) telah mengadakan Ceramah Go Halal pada 4 dan 31 Mac 2011 serta 22 Ogos 2011 yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada warga USIM mengenai konsep halal sama ada daripada skop makanan, produk bukan makanan dan perkhidmatan.

IHRAM dengan kerjasama HDC telah mengadakan Halal Executive Programme (HEP) 2011 yang berjalan selama enam bulan. Tempoh tersebut merangkumi tiga bulan pertama pembelajaran secara teori dan tiga bulan berikutnya menjalani latihan industri. Program ini telah disertai seramai 40 pelajar tahun akhir.

Satu Program Training Of Trainers (TOT) telah dianjurkan oleh IHRAM dengan kerjasama HDC bagi mentauliahkan semua pensyarah USIM yang telah menjadi tenaga pengajar dalam Program Halal Eksekutif (HEP) 2011. Program ini telah diadakan sebanyak dua sesi iaitu 5 hingga 9 September dan 12 hingga 13 September 2011 bagi sesi pertama, dan 17 hingga 21 Oktober dan 24 hingga 25 Oktober 2011 bagi sesi kedua.

Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA)

ACREDA berhasrat menjadi sebuah institusi penyelidikan, perkhidmatan perundingan, penulisan, penerbitan, latihan serta pusat maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah bertaraf nasional dan serantau yang terkemuka dan berwibawa serta dikenali. ACREDA telah memulakan Projek Pembinaan Daya Upaya (*Capacity Building*) dengan program dan aktiviti seperti berikut:

Jadual 3.3: Siri Program Projek Pembinaan Daya Upaya ACREDA 2011

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1	Membina Modul Latihan INTACT (M)	5 Januari 2011
2	Mesyuarat Khas Resolusi Konvensyen Transformasi Program Pencegahan Dadah Peringkat Negeri Sembilan	11 Januari 2011
3	Bengkel Penyediaan Modul dan Manual Program Pencegahan AADK dan Jemputan ke Bengkel Pemurnian Alat Pengukuran Penilaian Psikologi di AADK Putrajaya.	12 & 13 Januari 2011

4	Pameran Kesedaran dalam Penyalahgunaan Dadah dengan kerjasama pihak AADK Negeri Sembilan. Sempena Hari Terbuka USIM (ACREDA memenangi Anugerah Booth Mesej Pelanggan).	4-6 Mac 2011
5	Lawatan ke SIRIM Berhad, Shah Alam Selangor bagi memberikan kursus osas kaunseling penagihan kepada para pegawai perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi pelaksanaan Methdone Maintenance Therapy (MMT).	16 Mac 2011
6	Bengkel Pembangunan Profesional Guru SMK Bukit Baru, Melaka.	26 Mac 2011
7	Bengkel Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah bagi membina Modul Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Komuniti Belia.	28 Mac 2011
8	Pameran Bazar Kesihatan Hidup Positif Tanpa Dadah di Taman Metropolitan Kepong anjuran Pejabat Kesihatan Kepong.	18 Jun 2011
9	International Counseling Convention anjuran PERKAMA dengan kerjasama ACREDA dan SPADA di Akademi Kenegaraan, Biro Tata Negara, Kuala Lumpur.	22 dan 23 Jun 2011
10	Menerima lawatan daripada 39 pegawai dari Penjara Kajang.	7 Oktober 2011
11	Pengarah ACREDA dilantik menjadi Fasilitator dalam Bengkel Modul Kaunseling Program Pengurangan Kemudaratkan Perlingkat Kebangsoan Bil.1/2011 yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).	23-25 Oktober 2011
12	Menerima lawatan dari SMK Tengku Intan Zaharah, Dungun Terengganu.	27 Oktober 2011
13	Pengarah ACREDA telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja yang bertajuk Preparing Drug Addiction Counselors Through InFact Model: A Malaysia Perspective Conference Dadah Sedunia IFNGO 24 th World Conference & IFNGO 30 th Anniversary di Hotel Crown Plaza.	8 & 9 November 2011
14	Bengkel Rawatan dan Pemulihan (latihan) diadakan dengan kerjasama pihak KKM bagi membina Modul Pendekatan Kaunseling Dalam Program Terapi Dadah Gantian.	12 Julai 2011
15	Bengkel Perjagaan Lanjutan (latihan) diadakan dengan kerjasama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meningkatkan kemahiran dalam penjagaan seharian tentang isu penyalahgunaan dadah.	7 September 2011
16	PERKAMA dengan kerjasama ACREDA dan SPADA telah menganjurkan International Counseling Convention di Akademi Kenegaraan, Biro Tata Negara, Kuala Lumpur. Sempena konvensyen tersebut ACREDA juga menyertai pertandingan inovasi dalam kaunseling dan memenangi pingat emas.	22-23 Jun 2011
17	Pengarah ACREDA juga telah memenangi pingat perak dalam PECIPTA 2011 yang diadakan di KLCC. Modul yang dipertandingkan adalah InFact Module - Integrated Addiction Counseling Training Module.	13-15 September 2011
18	Pihak ACREDA dan SPADA dengan kerjasama FKP juga telah mengadakan Majlis Makan Malam Graduan SPADA yang dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Rujhan Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor IPTA), Jabatan Pengajian Tinggi.	28 Mac 2011

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

INFAD ditubuhkan untuk menjadi pusat rujukan dan pengurusan maklumat utama berkaitan fatwa seluruh dunia yang lengkap, sistematik dan terkini yang boleh diperoleh dengan mudah dan cepat. INFAD telah memulakan Projek Pembinaan Daya Upaya (Capacity Building) dengan program dan aktiviti seperti berikut:



Jadual 3.4: Siri Program Projek Pembinaan Daya Upaya INFAD 2011

BIL.	NAMA PROGRAM/AKTIVITI/TAJUK MUZAKARAH	TARIKH PROGRAM
1	Muzakarah Keutamaan Pertanian Menurut Perspektif Islam dan Ekonomi	-
2	Fokus perbincangan berkaitan Ramadhan dan Isu-isu Semasa. Tajuk Slot 1: Ramadhan Peluang Yang Dinantikan	4 Ogos 2011
3	Tajuk Slot 2: Ramadhan menjana Perubahan dan Kekuatan Ummah	11 Ogos 2011
4	Slot 3: Pentingnya Memperkasakan Ekonomi Umat Islam	18 Ogos 2011
5	Slot 4: Keutamaan Pertanian menurut perspektif Islam dan Ekonomi	25 Ogos 2011
6	Lawatan Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM ke INFAD.	18 Januari 2011
7	Lawatan dan taklimat daripada Persatuan Kulliyah Syar'iyyah,Kolej Universiti Insaniah (KUIN).	18 Mac 2011
8	Lawatan dari Darul Naim Foundation, Songkhla, Thailand.	27 Mei 2011
9	Lawatan dari Bahagian Fatwa Kuwait yang diuruskan oleh pihak IHRAM,	13 Jun 2011

Akademi Permata Insan

Bagi tahun kedua penubuhannya iaitu pada tahun 2011, PERMATA Insan telah menjalankan beberapa program antaranya seperti berikut:

Jadual 3.5: Siri Program Projek Pembinaan Daya Upaya PERMATA Insan 2011

BIL.	NAMA PROGRAM/AKTIVITI/TAJUK MUZAKARAH
1	Lawatan Rasmi dan Majlis Menandatangani MoU di Mawhiba,Arab Saudi
2	Bengkel Memperbaiki USIM 1 dan Pemantapan Kurikulum Pintar Quran Sunnah
3	Bengkel Latihan Guru Pembimbing Sambilan
4	Ujian PERMATA Pintar UKM 1 & 2
5	Siri Pemantauan dan Penilaian Guru Pembimbing (4 Zon) 2 kali
6	Kem PERMATA Insan Bil.1 dan Bil.2 Tahun 2011
7	Ujian Kecenderungan Agama: USIM 1
8	Pameran Smartkids11: Malaysia's Largest Kids' Education Fair
9	Ekspo PERMATA 2011 (KLCC, Kuala Lumpur dan Dewan MBJB,Johor Bahru)





Projek Penjanaan Kewangan

Pada 2011, IPWMI telah mendapat penyelidikan baharu ERGS iaitu *Islamic Wealth Management*. Penyelidikan ini telah diketuai oleh Dr. Amir Shahrudin dan jumlah geran tersebut adalah sebanyak RM50 ribu. Tujuan utama geran ini adalah untuk menjadi pelopor penyelidikan dalam bidang *Islamic Wealth Management*.

IHRAM pula telah memperoleh dua geran penyelidikan Knowledge Transfer Programme (KTP) yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Tinggi. Program KTP pertama yang telah mendapat kelulusan peruntukan daripada Jabatan Pengajian Tinggi ialah *Halal Slaughtering Course HALJOB: Creating New Halal Job for Sabahan Professional Slaughtering Meat Cheackers*. Program HALJOB ini merupakan penyelidikan dan penganjuran bersama antara USIM bersama HDC dan Global Integrity Products & Services.

ACREDA telah mendapat peruntukan dalam aktiviti penyelidikan dengan tiga tajuk iaitu *Defense Mechanism Among Addicts in Sobriety and Recovering Addicts* serta Program Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah di Lembah Klang daripada geran USIM dan yang ketiga daripada geran yang diperoleh daripada pihak AADK ialah "Tahap Keberkesanan Kempen Anti Dadah di Malaysia" dan "Strategi Komunikasi Bagi Peningkatan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah" dengan peruntukan sebanyak RM70,026.00.

INFAD telah menjalankan Projek Menterjemah Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, JAKIM daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Projek Kolaborasi Antarabangsa

Bagi tahun 2011, INFAD telah bekerjasama dengan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) bagi menjalankan penyelidikan. Pengarah IPWMI, Dr. Zurina Shafii, telah dilantik menjadi Penyelidik Pelawat di Islamic Research and Training Institute (IRI), Islamic Development Bank (IDB), Jeddah mulai 2 Julai sehingga 12 Julai 2011.

Dr. Hani Mansour Maosa Al-Mazeedi, Saintis Penyelidik Bersekutu (Associate Research Scientist), Jabatan Bioteknologi, Kuwait Institute for Scientific Research (KISR), telah menerima undangan IHRAM menjadi Penyelidik Pelawat ke USIM pada Jun 2012. Pada 14 hingga 15 Jun 2011 pihak IHRAM telah bekerjasama dengan Asif International Sdn. Bhd & Global Integrity Products & Services untuk mengadakan persidangan kebangsaan yang bertajuk *International Conference On Halal Pharmaceutical And Health Products 2011 (HALPHARM 2011)*.

Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia telah mengadakan lawatan ke ACREDA pada tahun 2011 untuk perbincangan tentang pelaksanaan program latihan dalam pencegahan penyalahgunaan dadah di Indonesia. Perbincangan lanjutan bersama UNP telah diadakan pada 29 November 2011. Bengkel pengantarabangsaan juga telah diadakan oleh pihak ACREDA dan SPADA dengan National Drug and Alcohol Research Center, New South Wales University, Sydney, Australia. Pihak ACREDA juga telah menerima lagi satu lawatan dari Universiti Pendidikan Indonesia, Bandung ke ACREDA. Seramai 50 orang delegasi telah terlibat dan lawatan ini adalah sempena International Counseling Convention anjuran PERKAMA.



Projek Penerbitan Ulung

Bahagian Penerbitan (BP) merupakan PTJ yang bertanggungjawab dalam mengurussterbitkan buku-buku terbitan USIM selain dibantu oleh pihak fakulti dan COE sendiri. Buku terbitan USIM mengintegrasikan antara ilmu aqli dan naqli dengan pelbagai genre buku seperti ilmiah, teks, modul dan juga jurnal.

Bagi meningkatkan lagi jumlah penerbitan tahunan USIM, sebanyak dua jalinan kerjasama penerbitan telah dijalankan bersama dengan Penerbit Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi buku bertajuk *Menyingkap Sejarah dan Perkembangan Akrobatik Motosikal Wira Merah Kor Polis Tenaga Diraja* dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) bagi buku bertajuk *Iqra' Braille Vol I - 6*.

Hasil usaha tersebut, USIM telah berjaya menerbitkan sebanyak 59 karya penerbitan yang dihasilkan oleh staf akademik USIM iaitu 33 genre buku ilmiah, 8 terbitan bersiri dan 18 buku teks/modul. Pensyarah USIM juga aktif dalam menerbitkan hasil karya dengan penerbitan luar iaitu sebanyak 14 buah penerbitan dihasilkan.

Rajah 3.3: Pecahan Mengikut Jenis Karya Penerbitan oleh Akademik USIM



(Sumber: Bahagian Penerbitan)

Jadual 3.6: Senarai Buku Terbitan USIM

Bil	Tajuk Buku	Pengarang/Penyunting
1	Siri Permata Insan Profil Cendekiawan Islam Vol. 8	Mohd. Rushdan Mohd. Jallani, Zulkiple Abd. Ghani, Muhammad Yusuf Khalid dan Roslizawati Ramly
2	Agama-agama di Dunia	Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly,
3	Practical Guide & Workbook Histology	Mohd Hairulhisyam Ngatiman, Sharifa Abdul Aziz dan Azlan Abd Latiff
4	Siri Permata Insan Kecerdasan dan Kaedah Peningkatannya Vol. 7	Saihah Abdullah dan Amin Al Haadi Shafie
5	Siri Permata Insan Bringing Out The Best : Nurturing Your Child's English Language Intelligence Vol.10	Suhaili A.Jalil, Hazleena Baharun, Azlina Abdullah, Myra Aldrin Mohd Ali, Azni Mohamed Zain dan Julianne Niza Ismail.
6	Dirasat fi Hadith Al-Maud'ah wa Ahkamih	Mohd Fauzi Mohd Amin

7	Siri Permaisuri Insan Turuq al-Tadris wa Tatbiqatuhu III Attal wa'l Kibar Vol. 12	Asma Abd Rahman
8	Siri Permaisuri Insan Recommended Resources to Enhance English Language Learning Vol.9	Suhaili A.Jali, Hazleena Baharun, Haziha Abdullah, Myra Aldrin Mohd Ali, Aznil Mohamed Zain dan Julianne Niza Ismail.
9	Pencegahan Penyalahgunaan Dadah	Abd Halim Husin
10	7 Langkah Kepulihan Dalam Pemulihian	Editor: Abd Halim Husin
11	Farmakologi Dadah di Salah Guna	Kamisah Yusaf, Norliza Muhammad, Nur Azlina Mohd Fahami, Qadriyah Hij, Mohd Soaad, Ahmad Nazrun Shuib, Azman Abdullah, Norazlina Mohamed
12	Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir	Mohd Rumalzuddin Ghazali
13	Membangun Pemikiran Islam dalam Menghadapi Cabaran Zaman	Mohd Rumalzuddin Ghazali
14	Jasamu Dikenang	Penyelenggara: Hartza Mohd Yusuf & Noor Adibah Mohamad
15	Pengenalan Ilmu Tasawuf untuk Remaja Islam	Muhammad Yusuf Khalid
16	Kaunselling dalam Islam- Edisi 2	Mizan Adilah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hani Osman.
17	Siri Permaisuri Insan Kitaran Kehidupan Keluarga : Ke arah Mencipta Keluarga Bahagia Vol.2	Saeedah A. Ghani
18	Siri Permaisuri Keluarga Rabbani Amalan Didikan Ibu Bapa Islam Vol.1	Wan. Mohd Fazrul Azdi Wan. Razali
19	Siri Permaisuri Insan Lughati al-Arabiyah Vol.17	Asma Abd Rahman
20	Az-Zakat Riqhan wa Tatbiqan	elSaddiq Dowelnor Abdel Gadir Fadel Seed
21	Hadis-hadis Palsu dalam Mustadrak al-Hakim	Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
22	Kaunselling Kelompok	Sapora Sipon
23	Ilmu Al-Lughawiyat Al-Arabiah : Al-Manhaj Al-Mutakamil Li Tar'lim	Asma Abd Rahman
24	Teori Kaunselling & Psikoterapi Edisi 3	Sapora Sipon
25	Madkhal Ila Ilmil Kalam Tamhid wa Manhaj	Kamatudin Nurdin Marjuni
26	Dysfunctional Uterine Bleeding : Current Concepts	Melithil Kannan Kutty, Siva Achanna & Nik Nasri Ismail
27	Iqra Versi Braille Vol.1	Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusoff, Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Norakyaliree binti Mohd Raus, Mohd Nur Adzam bin Rasdi, Noornajihan binti Jaafar
Jadual 4.18 : Senarai Kursus Peningkatan Kerjaya

BIL	NAMA KURSUS
1.	Seminar Relaxation Training
2.	Seminar Pengurusan Stres
3.	Seminar Personaliti Diri
4.	Seminar Pengurusan Keluarga Cemerlang
5.	Seminar Pengurusan Emosi dalam Cabaran Masa Kini
6.	Kursus Pementoran

Program Mentor-Mentee

Pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberikan bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor (pegawai yang terlatih, berkemahiran dan beretika) bagi pembangunan diri mentee (pegawai yang memerlukan bimbingan). Pendekatan ini melibatkan aktiviti perhubungan, pemindahan kemahiran personal dan profesional seorang pegawai dalam jangka masa yang ditetapkan.

Program Mentor-Mentee bagi kumpulan pertama ini melibatkan seramai 29 mentor dan 29 mentee seperti berikut:

Jadual 4.19: Senarai Nama Mentor dan Mentee

BIL	MENTOR	MENTEE
1	Timbalan Pendaftar Kanan N52, Jabatan Pendaftar	Pen. Pendaftar N41, FSU
2	Timbalan Pendaftar Kanan N52, BPPS	Pen. Pendaftar N41, BKKPA
3	Timb. Pendaftar N48, FST	Pen. Pendaftar N41, INFAD

4	Timb. Ketua Pustakawan S48, Jabatan Perpustakaan	Pen. Pendaftar N41, Bahagian Penetapan
5	Timb. Pendaftar N48, BHEP	Pen. Pendaftar N41, BKKPA
6	Timb. Pengarah J48, JPPF	Pen. Pendaftar N41, FSU
7	Pen. Bendahari Kanan W44, Jabatan Bendahari	Pen. Pendaftar N41, Jabatan Pendaftar
8	Peg. Teknologi Maklumat Kanan F44, PTM	Pen. Pengurus Asrama N27, BHEP
9	Pen. Pendaftar Kanan N44, Jabatan Pendaftar	Pen. Pendaftar N41, BHEP
10	Juruaudit Dalam Kanan W44, Bahagian Audit Dalam	Peg. Teknologi Maklumat F41, PTM
11	Pen. Pendaftar Kanan N44, PPP	Peg. Teknologi Maklumat F41, PTM
12	Peg. Teknologi Maklumat Kanan F44, BKKPA	Pen. Peg. Teknologi Maklumat F29, PTM
13	Pen. Pendaftar Kanan N44, Jabatan Pendaftar	Pen. Pendaftar N41, PPKPK
14	Pen. Bendahari Kanan W44, Jabatan Bendahari	Pen. Pendaftar N41, PPT
15	Pen. Pendaftar Kanan N44, FPSK	Pemb. Tadbir N17, FPg
16	Pustakawan Kanan S44, FPSK	Pen. Pendaftar N41, FPg
17	Pen. Pendaftar Kanan N44, FPQS	Pen. Pendaftar N41, Pusat Tamhidi
18	Jurutera (Elektrik) Kanan J44, JPPF	Pustakawan S41, Jabatan Perpustakaan
19	Pustakawan Kanan S44, Jabatan Perpustakaan	Pen. Pendaftar N41, Jabatan Pendaftar
20	Peg. Psikologi Kanan S44, BHEP	Pen. Pendaftar N41, PHIP
21	Peg. Psikologi S41, BHEP	Pen. Pendaftar N41, FPBU
22	Pen. Pendaftar N41, PPKPK	Pen. Peg. Tadbir N27, BHEP
23	Pen. Pendaftar N41, BHEP	Jurutera (Mekanikal) J41, JPPF
24	Pen. Pendaftar N41, Pusat Tamhidi	Pemb. Akauntan W17, Jabatan Bendahari
25	Peg. Kebudayaan B41, BHEP	Pen. Peg. Tadbir N27, Jabatan Pendaftar
26	Pen. Pendaftar N41, JPPF	Pen. Peg. Keselamatan KP27, Jabatan Pendaftar
27	Pen. Pengurus Asrama Kanan N32, BHEP	Juruteknik Seni Bina J17, JPPF
28	Pen. Peg. Tadbir N27, Jabatan Pendaftar	Pemb. Perpustakaan Kanan S22, Jabatan Perpustakaan
29	Pen. Peg. Kebudayaan B27, BHEP	Pemb. Perpustakaan S17, Jabatan Perpustakaan

KEMUDAHAN KEBAJIKAN KEPADA KAKITANGAN

Mesyuarat JKPU Bil.25/2011 yang bersidang pada 11 Ogos 2011 telah bersetuju agar kebajikan staf ditambah baik melalui Skim Kemudahan Perubatan Staf dan tanggungan yang layak dan penambahbaikan merujuk kepada Pekeliling Pejabat Pendaftar Bil. 10/2011 iaitu kenaikan kadar tunutan pemeriksaan kesihatan sehingga RM80.00 maksimum serta pemeriksaan pre-natal (tidak termasuk ujian ultrasound) di Klinik Panel USIM dengan caj maksimum RM60.00 bagi setiap rawatan. Kemudahan ini layak dituntut oleh staf lantikan tetap, kontrak, sementara dan pinjaman atau staf yang syarat lantikannya menyatakan kemudahan perubatan ini.



USIMKRA 5

MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN



MENCAPAI TAHAP KEBEBASAN KEWANGAN


Pelaksanaan PSPTN oleh KPT telah melibatkan semua IPTA termasuk USIM. Antara inti pati dalam PSPTN ialah menyarankan dan menggalakkan IPTA berusaha untuk menjana sekurang-kurangnya 30% pendapatan sendiri melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh IPTA. Saranan ini bertujuan menggalakkan IPTA agar tidak terlalu bergantung kepada dana yang diperuntukkan oleh kerajaan semata-mata tanpa ada usaha untuk meningkatkan keupayaan berdikari.

IPTA diseru supaya menggunakan sepenuhnya bidang kepakaran dan kemudahan yang dimiliki bagi melaksanakan penjanaan pendapatan sama ada melalui kepakaran dalaman mahupun daripada luar bagi menyediakan khidmat dan kemudahan kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan masyarakat serta menghasilkan produk-produk baru bagi kegunaan pasaran.

USIM menyambut baik saranan KPT untuk mencapai tahap kebebasan kewangan melalui beberapa strategi yang telah dirangka.

PENINGKATAN SUMBER KEWANGAN

Bagi meningkatkan sumber kewangan USIM kepada 30% daripada peruntukan tahunan, pelbagai aktiviti penjanaan kewangan secara berterusan telah dilaksanakan. Antaranya, melalui yuran pelajar, geran penyelidikan, khidmat perundingan dan kepakaran, kursus/latihan/francis, penerbitan buku, pengkormersilan hasil penyelidikan dan alumni serta mendapatkan sumber-sumber daripada penajaan/zakat/



endowment daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ataupun syarikat swasta. Jadual 5.1 memperincikan penjanaan pendapatan USIM bagi 2011.

Jadual 5.1: Penjanaan Pendapatan USIM 2011

PROJEK/AKTIVITI UTAMA	PENCAPAIAN (RM)	PROGRAM/AKTIVITI YANG DILAKUKAN
Penjanaan Pendapatan Melalui Yuran Pengajian	12,347,428.00	Yuran Pengajian Sarjana Yuran Pengajian PhD Yuran Pengajian Diploma Yuran Pengajian Sijil Yuran Pendaftaran Yuran Pendaftaran Tamhidi Yuran Pendaftaran Sarjana Muda Yuran Pendaftaran Sarjana Yuran Pendaftaran PhD Yuran Pendaftaran Diploma Yuran-Insurans Pelajar Yuran Skim Perkhidmatan Yuran Peperiksaan Yuran Peperiksaan Sarjana Yuran Peperiksaan PhD Ekaun Sara Hidup-Tamhidi Pelbagai Yuran Lain-lain Perkhidmatan Yuran Antarabangsa Kad Matrik
Penjanaan Melalui Geran Penyelidikan	1,637,976.00	Geran penyelidikan yang diperoleh USIM
Penjanaan Melalui Kerja Perundingan/Royalti	257,800.00	Kerja Perundingan Bionexus Kerja Perundingan dengan Tabung Haji Kerja Perundingan dengan TM Berhad
Penjanaan Melalui Perlaksanaan Kursus/Latihan	225,722.00	Kursus Intensif Bahasa Inggeris Language Programme Kursus Sijil Pembelajaran Sepanjang Hayat (Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi Kursus Sijil Talaqi Al-Quran)
Penjanaan Melalui Pelaburan/Hibah/Faedah	909,196.71	Hibah Simpanan Tetap - Pengurusan Hibah Simpanan Tetap - Pembangunan Hibah Akaun Semasa - Pengurusan Hibah Akaun Semasa - Pembangunan Faedah Pinjaman Komputer Faedah Pinjaman Kenderaan Hibah Insurans
Penjanaan Melalui Penerbitan	300,185.16	Pendapatan melalui penjualan buku-buku yang dihasilkan oleh staf akademik USIM bagi meningkatkan penjualan bahan-bahan penerbitan terutamanya melalui pernyertaan parmeran.
Penjanaan Melalui Pengikomersilan	Tidak	Pengikomersilan produk penyelidikan tidak dapat memberikan sumbangan kepada pendapatan Universiti pada tahun 2011. Pengikomersilan Sistem melalui Projek Sistem myBudget dan Kontrak Sistem Maklumat DQ
Penjanaan Melalui Sumbangan/Endowment/Zakat/Sadakah	310,000.00	Pendapatan ini adalah melalui sumbangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta
Penjanaan Melalui Alumni	110,050.00	Yuran Alumni Pelajar 2011 (pelajar baru tahun 2011)



Penjanaan Melalui Sewaan	233,479.10	Sewa Bangunan Sewa Asrama Pelajar Sewa Dewan Kuliah Sewa Pelbagai
JUMLAH	RM16,413,836.96	Jumlah Hasil Pendapatan pada tahun 2011

DASAR PENJIMATAN

USIM telah melaksanakan langkah-langkah penjimatan bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Langkah penjimatan yang dilaksanakan meliputi semua PTJ di USIM terutamanya dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta penggunaan tenaga elektrik. Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak USIM untuk menjayakan dasar penjimatan ini melalui kempen kesedaran pengguna dan penguatkuasaan larangan pembaziran. Ini dapat dilihat daripada rekod perbelanjaan 2011 berbanding 2010 dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2: Hasil Penjimatan USIM 2011

PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	2011 (RM)	2010 (RM)	Varian
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1,964,295	1,520,800	-443,495
Perhubungan dan Utiliti	9,385,732	7,496,818	-1,888,914
Sewaan	9,407,233	9,515,594	108,361
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	14,188,273	7,718,158	-6,470,115
Penyelenggaraan dan Pembalikan Kecil yang Dibeli	7,669,141	5,303,801	-2,365,340
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan dan Hospitaliti	15,948,861	14,050,870	-1,897,991

Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup menunjukkan pertambahan sebanyak RM443,495 daripada RM1,520,800 bagi tahun 2010 kepada RM1,964,295 pada tahun 2011. Perbelanjaan perhubungan dan utiliti bagi tahun 2011 menunjukkan pertambahan sebanyak RM1,888,914 berbanding tahun 2010. Walau bagaimanapun, sewaan menunjukkan penjimatan sebanyak RM108,361 daripada RM9,515,594 bagi tahun 2010 kepada RM9,407,233 pada tahun 2011. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan melalui kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh USIM, namun pertambahan pelajar pada tahun 2011 dan juga peningkatan kos pengurusan dan operasi menyebabkan dasar-dasar penjimatan tidak dicapai sepenuhnya. Selain itu, perbelanjaan untuk bekalan dan bahan-bahan lain menunjukkan pertambahan daripada RM7,718,158 bagi tahun 2010 kepada RM14,188,273 pada tahun 2011 iaitu bertambah sebanyak RM6,470,115. Penyelenggaraan dan pembalikan kecil yang dibeli dan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan dan hospitaliti masing-masing menunjukkan pertambahan.



PEMASARAN DAN PENGKOMERSILAN

Pemasaran dan pengkomersilan merupakan aktiviti yang penting bagi meningkatkan pendapatan universiti. Sehubungan itu, USIM telah mengadakan hubungan strategik dengan syarikat-syarikat swasta dan juga beberapa IPTS tempatan bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya adalah kerjasama USIM dengan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) untuk penawaran program USIM di IPTS tersebut.

Kerjasama ini dijangka akan meningkatkan lagi sumber pendapatan USIM setelah ia dilaksanakan. Di samping itu, beberapa IPTS lain juga berminal untuk mengadakan program kerjasama dengan USIM. Manakala kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan juga dipereratkan bertujuan mengkomersialkan produk-produk penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik USIM. Contohnya Technology Park Malaysia (Raub dan Kuala Lumpur), Perusahaan Azan Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat lain seperti dalam Jadual 5.3. Hubungan ini dikukuhkan lagi dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara USIM dengan syarikat-syarikat tersebut.



HUBUNGAN STRATEGIK

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersilan (PHIP) dalam usaha mengerakkan hubungan strategik USIM dengan pihak industri melalui jalinan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Hal ini dapat dilihat menerusi

beberapa lawatan dan perbincangan yang telah diadakan dengan pihak industri. Lawatan dan perbincangan ini telah menjadi langkah pertama USIM bagi menjalankan kerjasama yang lebih spesifik melalui perjanjian MoU, MoA dan perkongsian kepakaran. Lawatan-lawatan dan perbincangan ini juga telah berjaya membawa hasil dalam misi USIM untuk mencari penempatan bagi pelajar-pelajar dan staf-staf USIM menjalani latihan industri atau latihan sabatikal di syarikat-syarikat industri mahupun agensi-agensi kerajaan selain mampu mengurangkan kos pentadbiran USIM bagi mencari pihak industri lain.

Jadual 5.3: Hubungan Industri dan Perjanjian Persefahaman (MoU/MoA)

BIL.	INDUSTRI	PROGRAM YANG DILAKUKAN	PENCAPAIAN / IMPAK
1.	MEDIU	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama Antarabangsa Strategik.
2.	Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan	Lawatan dan Perbincangan Industri	Penempatan Latihan Industri pelajar & perkongsian kepakaran.
3.	Nasuha Enterprise Sdn. Bhd.	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama MoU dan penyelidikan herba bersama USIM.
4.	DPMM Negeri Sembilan	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama strategik & MoU.
5.	Nilai Springs Bhd.	Lawatan dan Perbincangan Industri	Penggunaan fasiliti sukan.
6.	Dewan Bahasa & Pustaka	Lawatan dan Perbincangan Industri	Latihan Industri pelajar dan perkongsian kepakaran
7.	Malaysian Bio-Technology Corp.	Perbincangan Industri	Kerjasama MoA dalam bidang analisis halal.
8.	Halal Industry Development Corp.	Perbincangan Industri	Kerjasama MoU dan penganjuran program halal.
9.	Sime Darby Research Sdn Bhd	Lawatan dan Perbincangan Industri	Latihan Industri pelajar dan perkongsian kepakaran.
10.	UTM SPACE	Lawatan dan Perbincangan Industri	Mendapatkan nasihat untuk membina garis panduan program kerjasama (francis) USIM
11.	MA(S)	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama MoU untuk program Duta Kecil KLIA.
12.	SME Corp	Lawatan dan Perbincangan Industri	Latihan Industri pelajar dan MoA untuk program SME-Universities Internship Programme.
13.	KIPSAS	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama MoU dan program kerjasama (francis) penawaran Program Sarjana Muda Quran dan Sunnah dengan Kepujian di KIPSAS.
14.	MAINS	Lawatan dan Perbincangan Industri	Perbincangan untuk menawarkan kursus jangka masa pendek kepada MAINS.
15.	Trademark2u	Perbincangan Industri	Penawaran perkhidmatan perlindungan harta intelek.
16.	Business Information Technology	Lawatan dan Perbincangan Industri	Perkongsian kepakaran IT dan Latihan Industri dan Latihan Sangkutan kepada kakitangan USIM.

17.	Yayasan Ar-Raudah	Lawatan dan Perbincangan Industri	Perkhidmatan & kerjasama bersama dalam perkhidmatan/bantuan sosial.
18.	Adastrar Sdn. Bhd.	Perbincangan Industri	Penawaran perkhidmatan perlindungan harta Intelek.
19.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Lawatan dan Perbincangan Industri	Kerjasama MoA dalam penggunaan makmal dan fasiliti USIM untuk latihan industri.
20.	Perusahaan Azan Sdn. Bhd.	Perbincangan Industri	Pengkomersialan hasil penyelidikan pensyarah USIM dan cadangan mengadakan kerjasama MoU.
21.	Technology Park Malaysia Raub	Lawatan dan Perbincangan Industri	Perbincangan dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan USIM.
22.	Technology Park Malaysia Kuala Lumpur	Lawatan dan Perbincangan Industri	Perbincangan dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan USIM.
23.	Prajna Advisors Sdn. Bhd.	Perbincangan Industri	Penawaran latihan Industri kepada pelajar USIM.
24.	Malaysian Takaful Association	Perbincangan Industri	Cadangan mengadakan kerjasama MoU dalam skop Latihan Industri pelajar.
25.	MAWHIBA	MoU	Kerjasama dalam pembinaan modul Permata Insan.
26.	UNISSA	MoU	Kerjasama akademik dengan institusi antarabangsa.
27.	AeU	MoU	Program kerjasama (francis) dalam Pembelajaran Jarak Jauh/online sistem.
28.	JAWHAR	MoU	Penyelidikan dan latihan kepada kakitangan dan pelajar USIM dalam bidang zakat, wakaf, dan haji.
29.	AIHijrah Media Corp	MoU	Kerjasama dalam bidang penyiaran/media dan latihan Industri.
30.	Halal Development Corporation	MoU	Perkongsian kepakaran dalam industri halal.
31.	Institut Studi Islam Darussalam	MoU	Kerjasama akademik dengan institusi antarabangsa.
32.	Yarmouk University Jordan	MoU	Kerjasama akademik dengan institusi antarabangsa.
33.	KIPSAS	MoU	Program kerjasama (francis) dalam penawaran Program Sarjana Muda Quran dan Sunah dengan Kepujian USIM di KIPSAS.
34.	Universitas Islam Indonesia	MoU	Kerjasama akademik dan latihan dengan institusi antarabangsa.
35.	IUBAT,Bangladesh	MoU	Kerjasama akademik dan latihan dengan institusi antarabangsa.
36.	Aligarh Muslim University, India	MoU	Kerjasama akademik dan latihan dengan institusi antarabangsa.
37.	DPMM Negeri Sembilan	MoU	Perkongsian kepakaran dan latihan Industri pelajar.



LAPORAN TAHUNAN 2011
Universiti Sains Islam Malaysia

38.	ALDIWAN	MoU	Perkongsian kepakaran Bahasa Arab dalam pembinaan Malaysian University Arabic Test (MUAT) dan sebagai program persediaan Bahasa Arab untuk pelajar antarabangsa.
39.	Kementerian Kesihatan Malaysia	MoA	Penggunaan fasiliti dan makmal kualiti makanan dan kesihatan KKM untuk latihan Industri FST.
40.	Internexia Sdn. Bhd.	MoA	Pembinaan modul e-Learning Permata Insan
41.	MA(S)	MoA	Program Duta Kecil KLIA dan latihan pelajar serta kakitangan USIM
42.	Zarqa University Jordan	MoA	Program Mobiliti Antarabangsa Pelajar Berkredit
43.	Institut Studi Islam Darussalam	MoA	Program Mobiliti Antarabangsa Pelajar Berkredit
44.	Universitas Islam Indonesia	MoA	Program Mobiliti Antarabangsa Pelajar Berkredit
45.	Kementerian Pelajaran Malaysia (PPG Sekolah Rendah)	MoA	Program Penswazahan Guru Sekolah Rendah
46.	Kementerian Pelajaran Malaysia (PPG Sekolah Menengah)	MoA	Program Penswazahan Guru Sekolah Menengah
47.	UPNM	MoA	Penerbitan buku <i>Menyingkap Sejarah dan Perkembangan Akrobatik Motosikal Wira Merah Kor Polis Tentera Diraja</i> .
48.	BERNAMA	MoA	Pengiklanan Info / berita USIM.
49.	JAKIM	MoA	Geran Penyelidikan JAKIM
50.	Biatech Corp Malaysia	MoA	Geran penyelidikan alatan makmal menganalisis halal IHRAM
51.	SME Corp Malaysia Bhd	MoA	Program SME-Universities Internship Programme



USIMKRA 6

MENGAMALKAN SISTEM
PENTADBIRAN YANG CEKAP,
BERKESAN DAN BERINTEGRITI



MENGAMALKAN SISTEM PENTADBIRAN YANG CEKAP, BERKESAN DAN BERINTEGRITI

Sistem pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti penting untuk menaikkan sistem pendidikan supaya USIM berdaya saing dan berdaya tahan pada masa hadapan. Bagi menjayakan amalan pentadbiran tersebut, USIM telah merancang strategi-strategi yang sesuai dalam memastikan sistem taabir urus yang lengkap dan telus, mewujudkan imej universiti yang berwibawa, penggunaan ICT dalam semua urusan dengan pelanggan serta memastikan kepuasan pelanggan yang maksimum.

Bagi memastikan objektif dalam USIMKRA 6 dapat dicapai, terdapat empat CAP yang telah digariskan untuk dilaksanakan iaitu Academia, Governan, Automasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Melalui ICT dan Integriti dan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI USIM TAHUN 2010

Seramai 167 staf telah diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Tahun 2010 (AKI 2010) atas usaha dan prestasi cemerlang sepanjang 2010. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor, mantan Pengerusi Lembaga Pengaroh USIM. Seramai 97 staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala

seramai 58 staf dipilih untuk menerima Anugerah Terpuji. Manakala tiga staf telah diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa dan menerima hadiah tambahan berupa pakej umrah bernilai RM5,000.00. Dato' Syed Amin Al-Jefri, ahli Lembaga Pengaroh USIM telah menerima



Anugerah Sumbangsih sebagai penghargaan kepada beliau atas jasa dan usaha gigih dalam mencorakkan dan meningkatkan lagi kualiti universiti.

Selain itu, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, mantan Naib Canselor USIM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Hasanul Mudir. Antara anugerah lain yang turut diberikan adalah Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang, Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Pentadbir Cemerlang, Anugerah Staf Contoh Tahunan, Anugerah Khas Inovasi dan Rekaceipta, Anugerah Inovasi dan Rekaceipta, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Cuti Belajar dan Anugerah Khidmat Setia Pensyarah Antarabangsa. AKI 2010 merupakan acara kemuncak bagi Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2011 yang telah dirasmikan oleh Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM semasa Majlis Perhimpunan Bulanan USIM pada 14 September 2011.

PROGRAM PEMBUDAYAAN KUALITI

Beberapa program telah dianjurkan oleh PPKPK untuk meningkatkan lagi pemahaman dan amalan Sistem Pengurusan Kualiti di USIM serta meningkatkan amalan budaya kualiti di tempat kerja. Bagi aplikasi Program 5S, USIM telah mengadakan lawatan 5S



ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12 Julai 2011. Lawatan ini telah disertai oleh wakil-wakil dari seluruh jabatan.

USIM turut menganjurkan Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi pada 14 hingga 20 September 2011. Terdapat pelbagai program yang telah disusun dalam minggu tersebut seperti Pameran Inovasi, Gotong Royong 5S, Pertandingan 5S dan Kaunter Terbaik, Program Kembara Global-Jejak Ilmu Sedunia, Ceramah PSPTN dan Skuad Q. Kemuncak untuk Program Pembudayaan Kualiti ini adalah dengan penganjuran Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi peringkat universiti.

Jadual 6.1 dan 6.2 berikut merupakan pencapaian PTJ yang menyertai pertandingan pada Konvensyen KIK USIM 2011.

Jadual 6.1: Keputusan Konvensyen KIK 2011

KATEGORI	JABATAN	KUMPULAN KIK	TAJUK PROJEK
Johan	Jabatan Perpustakaan	Vitalize	Kesukaran pengguna mendapatkan bahan di rak Perpustakaan
Nabi Johan	Pusat Tamhid	Ultimate	Dokumentasi fail akademik tidak lancar
Tempat Ketiga	Jabatan Bendahari	Dazzle	Urusan pembayaran yuran pengajian di kaunter Bendahari mengambil masa yang lama
Sagu hati	Jabatan Pendaftar	MyInnomik	Pencalonan staf contoh bulanan BMI tidak efektif
	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	Yassir	Kos percetakan buku log latihan Industri yang tinggi
	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	Unite 7	Memudahkan proses permohonan pembantu urus setia pelajar
	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	Vulpine Vector	Masalah pengurusan kunci kenderaan
	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	Kami Awam	Masalah kerosakan tombol pintu di bilik Kolej Keleman 1
	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	Aura	Sistem tempahan alat bantu mengajar (ABM)

Jadual 6.2: Keputusan Kategori Khas Konvensyen KIK 2011

KATEGORI	JABATAN	KUMPULAN KIK
Persembahan Terbaik KIK	Jabatan Perpustakaan	Vitalize
Fasilitator Terbaik	Encik Muhammad Hafizi Ahmad Jabatan Perpustakaan	Vitalize
PTJ Menghantar Penyertaan KIK Terbanyak	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	Vulpine Vector
Kumpulan Penyokong Terbaik	1. Pusat Tamhid 2. Jabatan Pendaftar 3. Jabatan Perpustakaan	- - -

LAPORAN ANALISIS KEPUASAN PELANGGAN SESI AKADEMIK 2011/2012

Untuk mengukur pencapaian piagam yang telah digariskan, beberapa kaedah telah digunakan untuk mengenal pasti sumber tersebut dari dalam atau luar universiti. Maklumat-maklumat diperoleh dari sistem-sistem yang digunakan, soalan kaji sedikit dan pengiktirafan yang diterima daripada agensi-agensi luar.

Sistem e-Nilai

Sistem e-Nilai digunakan untuk mengukur kepuasan pelajar terhadap staf akademik. Soal selidik ini dilakukan pada setiap semester selepas tamat sesi kuliah dan sebelum peperiksaan dijalankan. Berdasarkan dapatan soal selidik e-Nilai, data menunjukkan pencapaian 97.92% staf akademik di USIM memperoleh skor penilaian 75% ke atas. Peratusan yang besar ini membuktikan penilaian tahap kepuasan yang tinggi ditunjukkan oleh pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di USIM.

Laporan Analisis Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Sokongan Kepada Aktiviti Pengurusan dan Pembelajaran

Data bagi analisis ini diperoleh daripada soal selidik terhadap pelajar yang bergraduat pada 2011. Laporan analisis kepuasan pelajar secara keseluruhan ditunjukkan dalam jadual berikut:



Jadual 6.3 : Analisis Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Sokongan, Aktiviti Pengurusan dan Pembelajaran

KEMUDAHAN	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Agak Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan
TAHAP PERKHIDMATAN DAN LAYANAN YANG DIBERIKAN					
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Pentadbiran	1	15	110	152	22
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Akademik	0	8	101	158	33
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Bahagian Pengajaran Praswazah	3	7	97	163	30

LAPORAN TAHUNAN 2011
Universiti Sains Islam Malaysia

Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Jabatan Perpustakaan	2	17	86	154	41
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Bahagian HEP	0	20	87	155	38
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Bendahari	10	39	91	136	24
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah	2	9	106	150	33
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti	1	16	110	144	29
Tahap Perkhidmatan dan Layanan Staf Bahagian Keselamatan	4	14	78	159	45

TAHAP SOKONGAN DAN BANTUAN YANG DIBERIKAN OLEH STAF USIM DALAM PEAKSANAAN AKTIVITI PELAJAR

Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Pentadbiran di Pejabat Fakulti	2	10	67	154	67
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Akademik	1	5	69	165	60
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf BPPS	3	10	76	166	45
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Bahagian HEP	1	16	77	158	48
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Jabatan Perpustakaan	3	16	72	165	44
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Asrama	5	14	101	140	40
Tahap Sokongan dan Bantuan Staf Bendahari	6	33	93	139	29

PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN FIZIKAL

Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Kolej Kediaman	4	18	109	139	30
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Ruang Pembelajaran (dewan kuliah, bilik kuliah, bilik tutorial)	1	13	62	162	62
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Pengangkutan (bas ulang-alik, aktiviti luar)	13	54	126	85	22
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Sukan dan Rekreasi	2	18	105	140	35
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Ruang Perpustakaan	2	5	58	152	83
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Kafeteria	2	27	116	119	36
Penyediaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Fizikal Kedai Serbaneka	2	30	102	133	33

KAEDAH HEBAHAN DAN KANDUNGAN MAKLUMAT KEPADA PELAJAR

Informasi daripada Fakulti	0	10	74	172	44
Informasi daripada Bahagian Pengajian Prasiswa (BPPS)	2	10	110	146	32
Informasi daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar	1	12	108	143	36
Informasi daripada Perpustakaan	3	17	108	141	31
Informasi daripada Bendahari	7	29	112	119	33
Informasi daripada Asrama	3	14	95	149	39

Informasi daripada Bahagian Keselamatan	2	17	106	148	27
Informasi daripada Laman Web USIM	2	7	66	149	76
AKTIVITI/PROGRAM/BENGKEL/LATIHAN MENAMBAH NILAI KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR					
Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)	5	6	68	172	49
Anjuran Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah	4	6	82	161	47
Anjuran Fakulti	3	6	52	172	67
Anjuran Keusahawanan Siswa	0	10	92	159	39
Anjuran Pusat Sukan	2	18	87	156	37
KEMUDAHAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN / ICT					
Bahan dan buku rujukan mencukupi	6	31	110	121	32
Sistem pembelajaran atas talian	7	17	116	127	33
Pangkalan data atas talian (online database)	5	18	108	132	37
Capaian Wireless	18	42	127	85	28
Perisian yang dapat membantu pembelajaran	7	19	112	134	28
JUMLAH	147	703	3832	5974	1644
JUMLAH (%)	1.1	5.7	31.1	48.5	13.3
PERATUSAN TAHAP KEPUASAN (Memuaskan + Sangat Memuaskan)	$48.5 + 13.3 = 61.8\%$				

PENGGUNAAN ICT KETIKA BERURUSAN DENGAN PELANGGAN

Pelbagai projek ICT sama ada penambahbaikan sistem sedia ada atau mewujudkan sistem baharu telah dijalankan bagi memastikan kecekapan sistem pentadbiran dan perkhidmatan USIM. Terdapat dua kumpulan sistem yang digunakan iaitu Sistem Aplikasi Pentadbiran Universiti dan Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar. Kewujudan sistem ini banyak membantu melicinkan operasi pentadbiran USIM.

Sistem Aplikasi Pengurusan Universiti

Sistem Al-Maaliyah

Sistem Al-Maaliyah merupakan Sistem Kewangan Bersepadu yang dibangunkan bagi membantu operasi Jabatan Bendahari khususnya dan PTJ umumnya. Beberapa penambahbaikan pada sistem ini telah dilaksanakan dan salah satu daripadanya mewujudkan laporan pendaftaran syarikat mengikut tarikh pendaftaran syarikat dengan USIM.

Sistem Munazzim

Sistem Pengurusan Maklumat Staf USIM atau ringkasnya sistem Munazzim telah dibangunkan pada Jun 2004 dengan konsep perkongsian pintar UUM-USIM dan mula digunakan pada Mac 2005. Sistem ini berasaskan Client/Server dengan reka bentuk multi-tier untuk memastikan sistem ini lebih fleksibel dan mudah diaplikasikan oleh pengguna. Sistem yang dibangunkan ini membantu mengurangkan beban kerja pengguna di samping menjamin kelincinan proses kerja di Jabatan Pendaftar. Beberapa penambahbaikan



telah dilaksanakan pada 2010 seperti penambahan Laporan Penyemakan Data dalam Modul Lapor Diri dan penambahan dalam Profil Staf seperti status staf sedang cuti belajar, penambahan laporan sejarah pertukaran jabatan, penambahan laporan kenalikan pangkat dan proses pengiraan kelayakan pinjaman bank secara online (eWADI).

Sistem Al-Bahthiyah

Sistem Al-Bahthiyah merupakan Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan yang dibangunkan untuk membantu Pusat Pengurusan Penyelidikan merekodkan dan menguruskan maklumat penyelidikan dan persidangan yang dianjurkan oleh universiti dan juga yang dihadiri oleh staf akademik.

Sistem Akaun Pelajar

Sistem Akaun Pelajar (SAP) merupakan sistem yang menguruskan akaun pelajar khususnya dalam proses pembayaran yuran dan biaya pelajar. Sistem ini merekodkan maklumat pelajar dan jumlah yuran pelajar bagi setiap semester.



Sistem myOASIS

Online Asset and Inventory System (myOASIS) adalah Sistem Pengurusan Aset dan Inventori yang dikendalikan secara web-based. Sistem ini dibangunkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.5/2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dengan menggunakan teknologi kod jalur.

Sistem myARIFS

Sistem Pengurusan Fasiliti (myARIFS) merupakan sistem yang menguruskan fasiliti universiti. Pada Januari 2010, Modul Tempahan Kenderaan telah digunakan secara sepenuhnya manakala modul lain seperti Aduan Kerosakan, Penyelenggaraan Operasi Bangunan dan Modul Tempahan dan Pengurusan Aset dan Ruang siap dibangunkan sepenuhnya dan sedia digunakan pada pertengahan 2011.

Sistem e-IRIS

Sistem e-IRIS merupakan sistem permohonan perjawatan (akademik dan pentadbiran) yang mula dibangunkan pada 2006 hingga 2008. Sistem ini dibangunkan secara atas talian untuk memudahkan capaian pemohon serta pentadbiran universiti.

Sistem e-Sekata

Sistem e-Sekata merupakan Sistem Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang dibangunkan secara web-based. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan sasaran kerja tahunan disediakan, disimpan dan boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja selagi mempunyai



capaian Internet. Menerusi sistem ini, Jabatan Pendaftar dapat memantau pergerakan penyediaan SKT oleh individu, jabatan serta universiti dengan mudah. Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) pada 2008. Sistem ini bertujuan untuk memastikan ketelusan penilaian

prestasi kerja individu dinilai oleh Ketua Jabatan walaupun staf telah bertukar bahagian.

Sistem e-Prestasi

Sistem e-Prestasi adalah Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Staf yang digunakan pada setiap penghujung tahun bagi menilai prestasi kerja oleh setiap staf berdasarkan SKT yang telah disosarkan pada awal tahun. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan kaedah penilaian yang dilakukan secara manual sejak penubuhan USIM pada 2000. Pada 2010, sistem e-Prestasi telah diperluaskan penggunaannya kepada semua staf akademik.



Sistem myClaim

Sistem myClaim merupakan sistem tuntutan syarahan sambilan secara atas talian bagi memudahkan proses permohonan tuntutan pengajaran, tuntutan perjalanan dan tuntutan kerja oleh staf sambilan akademik.

Sistem myPayment

Sistem Pembayaran Internet Perbankan (myPayment) memberarkan pelajar dan staf membuat bayaran secara atas talian untuk pembayaran yang melibatkan tuntutan universiti.

Sistem myVAS

Sistem myVAS adalah Sistem Penilaian Prestasi Pembekal atas talian yang dibangunkan secara web based. Sistem ini mula dibangunkan pada November 2009. Cadangan pembangunan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal atas talian ini adalah susulan daripada keperluan ISO Jabatan Bendahari dan cadangan penambahbaikan terhadap proses sedia ada yang dilaksanakan secara edaran barang manual kepada PTJ. Sistem ini telah dilancarkan pada Jun 2010.

myAKRAB

Sistem myAKRAB merupakan sistem kehadiran kakitangan berkonsepkan punch card yang menggunakan teknologi kad pintar dan imbasan cap jari. Proses naik taraf server,pangkalan data,kios dan terminal myAKRAB telah selesai dilaksanakan pada 30 Mei 2010. Beberapa proses penambahbaikan Sistem myAKRAB telah dilaksanakan pada 2010 seperti berikut:

- Perekodan kesalahan baru iaitu tidak cukup tempoh masa bagi staf akademik.
- Laporan pemantauan tempoh bekerja bulanan 160 jam bagi staf akademik.
- Makluman e-mel peringatan secara automatik kepada staf untuk kemasukan alasan dan kelulusan alasan kepada pelulus.
- Capalan kebenaran akses di semua terminal di bangunan fakulti kepada semua staf akademik.

Kerja menaik taraf sistem,kios dan terminal myAKRAB dilakukan sekali lagi pada awal 2011 bagi memantapkan proses pengesahan dan perekodan setiap transaksi. Kerja ini selesai pada Mac 2011 apabila proses pengesahan cap jari dapat dibuat dalam masa yang singkat dan mengurangkan risiko transaksi yang tidak direkodkan.

Sistem myTRAMS

Sistem myTRAMS merupakan sistem bagi merekodkan jumlah mata sepanjang tahun melalui Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Ia merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat atau latihan yang bertujuan untuk membangunkan potensi,kemahiran dan kompetensi staf. Pelbagai aktiviti seperti pemerkasaan pengelahan,kemahiran dan kualiti dirangkumkan dalam sistem ini dengan matlamat meningkatkan penghasilan kerja optimum dalam kalangan staf yang memfokuskan pencapaian USIMKRA. Bermula pada 2011,sistem ini telah digunakan secara rasmi.

Sistem Aduan ICT

Sistem Aduan ICT adalah satu sistem yang dibangunkan untuk membantu PTM dalam menguruskan aduan berkaitan ICT seperti aduan kerosakan perkakasan, masalah perisian, ralat sistem dan sebagainya. Sistem Aduan ICT ini merupakan salah satu paket sistem yang diperoleh semasa pembangunan Sistem Maklumat Universiti (SMU). Sistem Aduan ICT ini merangkumi Modul Aduan, Modul Petugas, Modul Penyelenggara dan Modul Laporan dan Statistik bagi melincinkan proses rekod aduan kerosakan di PTM selain dapat membantu proses pemantauan status tindakan yang telah diambil oleh setiap petugas.

Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar

Sistem eNilai

Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara atas talian atau sistem eNilai adalah satu sistem yang dibangunkan untuk merekodkan penilaian yang dibuat oleh pelajar terhadap pensyarah bagi setiap kursus. Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman oleh Unit Aplikasi Pelajar, PTM.

Sistem eHadir

Sistem ini dibangunkan untuk merekodkan kehadiran kuliah, makmal, tutorial dan aktiviti pelajar secara atas talian. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai peratusan kehadiran ke kuliah, tutorial dan makmal yang kurang dari 80% dalam satu-satu semester dan tindakan susulan seperti dihalang untuk menduduki peperiksaan akhir akan dilakukan secara automatik.

Sistem eAkademik

Sistem eAkademik merupakan satu sistem yang merekodkan maklumat aktiviti akademik dalam kalangan staf akademik. Sistem yang dibangunkan berasaskan web-based ini membolehkan staf akademik merekodkan data berkaitan dengan maklumat penyelidikan, persidangan, penerbitan, pengajaran, penyeliaan, khidmat masyarakat dan aktiviti akademik yang telah mereka laksanakan.

Sistem eAkademik ini merupakan satu platform sistematik dan komprehensif dalam membekalkan data kepada Sistem MyMaheS, Sistem MyMission dan Sistem myRA untuk KPT di samping untuk tujuan penilaian prestasi staf akademik.

Sistem eAkademik ini unik dan eksklusif kerana ia melibatkan integrasi data daripada Sistem Maklumat Universiti seperti Sistem Maklumat Sumber Manusia (Sistem Munazzim), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Sistem Al-Aallyah), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Al-Ulyaa) dan Sistem Maklumat Penyelidikan dan Persidangan (Sistem Al-Bahtiyyah) dan Sistem Tamhid. Melalui integrasi ini, data lengkap maklumat peribadi dan aktiviti akademik para pensyarah seperti maklumat penyelidikan, penerbitan, penulisan ilmiah, seminar yang dihadiri, maklumat pengajaran dan sebagainya dapat dicapai melalui Sistem eAkademik ini.

Sistem eKlinikal

Sistem Maklumat Kesihatan USIM atau lebih dikenali dengan nama eKlinikal merupakan sistem yang dibangunkan khusus untuk kegunaan Unit Kesihatan Pelajar dan Unit Perkhidmatan Pergigian, FPg.

Sistem Aduan ICT

Sistem Aduan ICT adalah satu sistem yang dibangunkan untuk membantu PTM dalam menguruskan aduan berkaitan ICT seperti aduan kerosakan perkakasan, masalah perisian, ralat sistem dan sebagainya. Sistem Aduan ICT ini merupakan salah satu paket sistem yang diperoleh semasa pembangunan Sistem Maklumat Universiti (SMU). Sistem Aduan ICT ini merangkumi Modul Aduan, Modul Petugas, Modul Penyelenggara dan Modul Laporan dan Statistik bagi melancarkan proses rekod aduan kerosakan di PTM selain dapat membantu proses pemantauan status tindakan yang telah diambil oleh setiap petugas.

Sistem Aplikasi Akademik dan Pelajar

Sistem eNilai

Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara atas talian atau sistem eNilai adalah satu sistem yang dibangunkan untuk merekodkan penilaian yang dibuat oleh pelajar terhadap pensyarah bagi setiap kursus. Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman oleh Unit Aplikasi Pelajar, PTM.

Sistem eHadir

Sistem ini dibangunkan untuk merekodkan kehadiran kuliah, makmal, tutorial dan aktiviti pelajar secara atas talian. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai peratusan kehadiran ke kuliah, tutorial dan makmal yang kurang dari 80% dalam satu-satu semester dan tindakan susulan seperti dihalang untuk menduduki peperiksaan akhir akan dilakukan secara automatik.

Sistem eAkademik

Sistem eAkademik merupakan satu sistem yang merekodkan maklumat aktiviti akademik dalam kalangan staf akademik. Sistem yang dibangunkan berasaskan web-based ini membolehkan staf akademik merekodkan data berkaitan dengan maklumat penyelidikan, persidangan, penerbitan, pengajaran, penyeliaan, khidmat masyarakat dan aktiviti akademik yang telah mereka laksanakan.

Sistem eAkademik ini merupakan satu platform sistematik dan komprehensif dalam membekalkan data kepada Sistem MyMaheS, Sistem MyMission dan Sistem myRA untuk KPT di samping untuk tujuan penilaian prestasi staf akademik.

Sistem eAkademik ini unik dan eksklusif kerana ia melibatkan integrasi data daripada Sistem Maklumat Universiti seperti Sistem Maklumat Sumber Manusia (Sistem Munazzim), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Sistem Al-Aallyah), Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (Al-Ulyaa) dan Sistem Maklumat Penyelidikan dan Persidangan (Sistem Al-Bahtiyyah) dan Sistem Tamhid. Melalui integrasi ini, data lengkap maklumat peribadi dan aktiviti akademik para pensyarah seperti maklumat penyelidikan, penerbitan, penulisan ilmiah, seminar yang dihadiri, maklumat pengajaran dan sebagainya dapat dicapai melalui Sistem eAkademik ini.

Sistem eKlinikal

Sistem Maklumat Kesihatan USIM atau lebih dikenali dengan nama eKlinikal merupakan sistem yang dibangunkan khusus untuk kegunaan Unit Kesihatan Pelajar dan Unit Perkhidmatan Pergigian, FPg.



LAPORAN KEWANGAN, SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PRESTASI KEWANGAN 2011

Pendapatan USIM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 berjumlah RM155.45 juta, peningkatan sebanyak RM30.15 juta (24.06%) berbanding dengan RM125.30 juta pada 2010. USIM mencatatkan perbelanjaan operasi berjumlah RM142.86 juta dalam tahun 2011 berbanding dengan RM122.55 juta pada 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM20.31 juta (16.58%).


Jadual 7.1: Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan 2007-2011

TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011
Jumlah Pendapatan (RM)	87.93	116.45	103.59	125.30	155.45
Jumlah Perbelanjaan (RM)	78.64	112.43	128.77	122.55	142.86

KUMPULAN WANG MENGURUS

Geran Mengurus tahun 2011 yang diterima berjumlah RM111.57 juta iaitu peningkatan sebanyak RM8.1 juta (7.83%) berbanding RM103.47 juta dalam tahun 2010. Yuran pengajian menyumbang RM12.35 juta daripada pendapatan USIM dan ia merupakan penurunan sebanyak RM2.33 juta (15.90%) berbanding RM14.68 juta dalam tahun 2010. Lain-lain pendapatan mencatat RM31.53 juta, peningkatan berjumlah RM24.38 juta (341.18%) dalam tahun 2010 berbanding RM1.92 juta dalam tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Geran Modal Dilunaskan.


Rajah 7.1: Perbandingan Komponen Pendapatan 2007-2011



Keseluruhan perbelanjaan USIM berjumlah RM142.86 juta di mana emolumen meningkat kepada RM62.35 juta (43.64%) dan dilikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM59.26 juta (41.48%). Perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap berjumlah juga meningkat laju RM6.53 juta (4.57%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan susut nilai dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM14.73 juta (10.31%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan.

USIM mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak RM12.58 juta bagi 2011, peningkatan sebanyak RM9.83 juta (357.79%) berbanding dengan RM2.75 juta pada 2010.

Rajah 7.2: Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2007-2011




KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Geran Pembangunan USIM yang diterima pada 2011 adalah sebanyak RM74.08 juta laju RM63.58 juta merupakan pendapatan yang diterima daripada kerajaan dan RM10.50 juta merupakan peruntukan pembangunan FRGS. Ini merupakan penurunan RM4.14 juta (5.29%) berbanding dengan RM78.22 juta pada 2010.

Perbelanjaan Pembangunan USIM tahun 2011 termasuk perbelanjaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Funding Initiative*) dan FRGS adalah RM58.72 juta berbanding dengan RM85.75 juta pada 2010. Ini merupakan penurunan sebanyak RM27.02 juta (31.52%). Oleh itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2011 adalah RM754.32 juta berbanding dengan RM710.27 juta pada 31 Disember 2010.


Rajah 7.3: Perbandingan Kumpulan Wang Pembangunan 2007-2011



ASET DAN LIABILITI


Jumlah Aset Tetap USIM pada 2011 ialah RM170.65 juta berbanding dengan RM178.49 juta pada 2010, penurunan sebanyak RM7.84 juta (4.39%) manakala, jumlah Aset Semasa USIM pada 2011 pula adalah RM98.73 juta berbanding dengan RM63.71 juta pada 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM35.02 juta (54.96%).

Rajah 7.4: Perbandingan Aset Tetap dan Aset Semasa 2007-2011



Liabiliti semasa USIM pada 2011 adalah sebanyak RM15.35 juta berbanding dengan RM11.40 juta pada 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM3.95 juta (34.69%). Aset bersih USIM pada 2011 ialah sebanyak RM801.17 juta berbanding dengan RM734.29 juta pada 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM66.89 juta (9.11%).

Rajah 7.5: Perbandingan Liabiliti Semasa 2007-2011





RINGKASAN KEWANGAN

TAHUN	2007	2008	2009	2010	2011
PENYATA PENDAPATAN					
Jumlah Pendapatan	87,933,098	116,450,587	103,715,708	125,298,457	155,447,032
Jumlah Perbelanjaan	78,642,871	112,430,499	128,781,939	122,549,662	142,863,375
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai	9,290,227	4,020,088	(25,087,999)	2,748,795	12,583,657
LEMBARAN IMBANGAN					
Hartanah, Loji & Peralatan	92,636,737	161,271,439	172,044,284	178,489,133	170,646,031
Aset Semasa	111,889,768	90,086,000	70,858,913	63,714,970	98,733,776
Liabiliti Semasa	6,994,867	10,410,130	11,248,266	11,397,136	15,350,395
Kumpulan Wang Mengurus	26,596,983	30,617,071	5,442,502	8,117,959	20,631,462
Kumpulan Wang Pembangunan	463,663,315	560,520,015	637,282,042	710,266,584	754,315,030
NISBAH KEWANGAN					
Aset Semasa/Liabiliti Semasa	15.99	8.65	6.29	5.59	6.43
Aset Mudah Cair/Liabiliti Semasa	14.76	6.25	5.63	4.59	5.15
Jumlah Liabiliti / Jumlah Aset	0.03	0.04	0.05	0.05	0.06
Modal Digunakan / Jumlah Liabiliti	71.05	57.79	58.18	64.43	52.19
Modal Digunakan / Aset Tetap	5.36	3.73	3.80	4.11	4.69



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan perseimbahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 MEI 2012



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

